


**Jilid I
Bil. 17**



**Hari Khamis
2hb November, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1489]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1505]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 1506]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 1506]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat** Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- „ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching)**
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- „ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSUR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR. TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR. TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 2hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANSURUHANJAYA ASEAN MENGENAI
HAK ASASI MANUSIA

1. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menyokong penubuhan sebuah Suruhanjaya ASEAN mengenai Hak-hak Asasi Manusia untuk melindungi dan meningkatkan hak-hak manusia di dalam negara-negara ASEAN, dan memansuhkan undang-undang mengenai tahanan-tanpa perbicaraan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri di Malaysia, Singapura dan lain-lain negara ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, dasar ASEAN, sebagai suatu pertubuhan, ialah untuk menggalakkan kerjasama di dalam bidang ekonomi, perdagangan, sosial dan kebudayaan di kalangan ahli-ahlinya di rantau ini. Perkara penubuhan "ASEAN Commission on Human Rights" adalah suatu perkara politik, dan perkara ini adalah di luar dari garis-garis tugas Jawatankuasa sosial ASEAN itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sedar bahawa antara tujuan-tujuan yang diumumkan oleh Ketua-ketua Kerajaan dalam negara-negara ASEAN ialah untuk menggalakkan national resilience dalam setiap negara dan adakah Kementerian atau Kerajaan kita berpendapat bahawa satu cara untuk menggalakkan atau memperkuatkan national resilience ialah mengadakan satu jentera di mana hak-hak asasi boleh dijaga dan diperlindungi?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di atas deklarasi yang dibuat oleh Ketua-ketua Negara ASEAN tetapi sepertimana saya katakan hak-hak asasi manusia (human rights) ini keluar daripada garis-garis panduan bersabit dengan tugas ASEAN yang telah pun dibuat di dalam Deklarasi Bangkok 1968. Sungguhpun apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sekejap tadi national resilience itu benar menjadi asas tujuan kita tetapi saya rasa ini pada fikiran saya, tidaklah sama pendapat apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu ada kaitan dengan sosial ataupun bersabit dengan national resilience. Maka oleh sebab itulah saya suka menegaskan hak asasi ini keluar daripada garis-garis panduan Jawatankuasa Sosial ASEAN itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah jawapan Yang Berhormat Menteri bererti bahawa Kerajaan Malaysia tidak sokong cadangan mahu menubuhkan satu Suruhanjaya atau Human Rights Commission oleh kerana samada tujuan penubuhan ASEAN ada kaitan atau tidak berkaitan dengan hal ehwal politik atau lain, itu lain hal? Tetapi cadangan untuk mengadakan satu Human Rights Commission di dalam negara-negara ASEAN, adakah Kerajaan sokong atau tidak sokong?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak timbul kerana keluar dari bidang kuasa ASEAN itu sendiri.

Tuan Chan Teck Chan: Memandangkan Malaysia adalah merupakan salah satu ahli dalam keluarga ASEAN, maka adakah Malaysia akan memberikan satu contoh tauladan yang baik untuk menunjukkan kepada dunia dan ASEAN khususnya bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang menjunjung tinggi hak asasi manusia maka adakah Malaysia akan berinisiatif untuk memansuhkan I.S.A. yang sedang diamalkan di Malaysia ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa negara kita mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi. Kalau saya suka rujukan kepada ucapan saya di dalam perbahasan (debate) yang dikemukakan usul oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada tahun yang lepas atau awal tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bagi tempoh Parlimen Yang Keempat dahulu. Sekarang dia dari Petaling.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bagi tempoh Parlimen Yang Keempat dahulu. Saya terlupa dia sudah menjadi wakil rakyat bagi kawasan Petaling.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa negara kita sepertimana yang tercatat dalam Perlembagaan kita memberikan gambaran iaitu hak asasi kita telahpun dienshrinedkan di dalam Perlembagaan kita, tidak ada saya rasa bandingan yang kita tidak menghormati hak asasi manusia, iaitu human rights.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hubungan Malaysia dengan negara-negara lain yang termasuk dalam negara ASEAN sudah tentu mencangkuk soal-soal yang lebih luas dan bukan hanya kerjasama dari segi ekonomi dan masyarakat yang ditafsirkan secara sempit oleh Menteri Luar tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya tidak melarat soal ini. Ini bukan pendapat Yang Berhormat Menteri mengatakan sempit begitu. Apa Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi ialah mengikut keputusan yang diambil di Bangkok. Kalau sudah salah daripada mula, soalan tambahan ini salah juga nanti.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tidak, ini saya hendak jelaskan tentulah hubungan negara kita ini selain daripada apa yang diumumkan dalam Deklarasi itu sudah tentu mencangkup soal-soal yang lain dan sudah tentulah negara kita tidak memencilkan masalah-masalah yang lain. Sudah tentu negara kita juga mempunyai pandangan terhadap Hak Asasi Manusia di negara-negara ASEAN. Jadi apakah pandangan Malaysia di dalam soal-soal yang berkaitan dengan Hak Asasi Manusia di negara-negara ASEAN?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebut sekejap tadi iaitu Hak Asasi Manusia ini adalah luar daripada garisan kerjasama yang mana mengikut objektif Deklarasi Bangkok. Tetapi istilah Yang Berhormat itu saya suka juga luas sepertimana Yang Berhormat suka luaskan tafsiran yang dibuat oleh Yang Berhormat itu dalam segi kerjasama. Jadi kalau Yang Berhormat suka luaskan, saya juga suka luaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang luas ini! (Ketawa)

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa baru-baru ini di dalam satu Conference mengenai Hak-hak Asasi (Human Rights) yang dianjurkan oleh Bar Council yang diadakan di Kuala Lumpur satu minggu atau dua minggu yang lalu pun ada satu cadangan bahawa menubuhkan satu Human Rights Commission di ASEAN? Soalan tambahan saya ialah selain daripada Deklarasi Bangkok yang ada menentukan garis-garis mengenai penubuhan ASEAN kerjasama dalam segi sosio-ekonomi, adakah Kerajaan Malaysia hendak membentangkan satu cadangan kepada mesyuarat ASEAN yang akan datang mengadakan satu ASEAN Human Rights Commission supaya perkara Hak-hak Asasi Manusia boleh ditimbang?

Tuan Yang di-Pertua: Ini lebih luas daripada soalan asal. Soalan asal ialah samada Yang Berhormat Menteri akan menyokong penubuhan; bukan untuk mengemukakan. Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tadi Menteri yang berkenaan menyebut bahawa Malaysia menentukan hubungan itu hanya berdasarkan kepada Deklarasi yang telah diumumkan sahaja. Tetapi tidaklah Kerajaan Malaysia mempunyai pandangan yang khusus yang tidak terikat dengan Deklarasi itu mengenai Hak-hak Asasi Manusia di negara-negara ASEAN?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab hak ini oleh sebab saya suka menyatakan dengan jelas untuk pengetahuan Dewan ini. ASEAN adalah suatu pertubuhan lima negara (multi-lateral) dan apa-apa yang hendak dibuat secara kerjasama mestilah ada kaitan dengan Deklarasi iaitu tujuan bersabit

dengan kebudayaan (cultural), ekonomi dan perdagangan. Jadi issue-issue Yang Berhormat keluaran sekejap tadi saya rasa terkeluar daripada lingkungan itu. Saya rasa tidaklah ada kaitan bersabit dengan multi-lateral pembicaraan.

MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan yang digunakan bagi menjayakan Musabaqah Membaca Quran dalam dua peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa dalam Bulan Ramadhan tahun ini. Nyatakan dengan secara terperinci perbelanjaan-perbelanjaan bagi tiap-tiap bahagian di bawah ini:

- (a) perbelanjaan persiapan termasuk astaka;
- (b) perbelanjaan untuk hadiah-hadiah bagi semua yang berjaya dan hadiah saguhati; dan
- (c) lain-lain perbelanjaan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan kepada soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa jumlah perbelanjaan untuk menjayakan Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa tahun ini adalah sebanyak \$52,810.00. Perincian yang dikehendaki adalah seperti berikut:

- (a) Perbelanjaan persiapan termasuk astaka adalah sebanyak \$313,136.00. Perbelanjaan ini termasuk juga perbelanjaan-perbelanjaan untuk maksud Jemputan dan Sambutan, penerbitan, perhiasan, siaran televisyen, upacara pembukaan dan penutup dan penggunaan Stadium Merdeka.
- (b) Perbelanjaan untuk hadiah-hadiah bagi semua yang berjaya dan hadiah saguhati termasuk juga hadiah cenderamata adalah sebanyak \$64,483.00.
- (c) Lain-lain perbelanjaan adalah sebanyak \$174,831.00 untuk pembayaran tambang Hakim-hakim dan peserta-peserta tertentu, penginapan, makan, jamuan dan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan lagi kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak payahlah bimbang walaupun

kita telah belanja sebanyak \$ $\frac{1}{2}$ juta lebih dalam mengadakan Musabaqah Al-Quran ini kerana dalam kita mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran ini didapati banyak sambutan baik di negara-negara Islam seperti Saudi Arabia dan lain-lain negeri lagi. Juga pada masa Musabaqah itu siaran terus menerus dijalankan dan saya difahamkan bahawa orang-orang Arab kagum mendengar orang-orang Melayu membaca Al-Quran begitu fasih sekali terutama orang-orang di Saudi Arabia.

Musabaqah ini adalah satu daripada beberapa cara membesarkan tanda-tanda agama oleh umat Islam. Di antaranya seperti kitab Allah, mesjid, Baitullah dan Syahlat sebagaimana Tuhan menyatakan dalam Quran yang bermaksud: Barangsiapa membesarkan tanda agama Allah maka itu adalah lahirnya daripada hati takwa. Jadi saya merasa bahawa kita mengadakan Musabaqah Al-Quran ini dengan membelanjakan wang sebanyak \$ $\frac{1}{2}$ juta itu adalah banyak munafaat kepada negara kita ini khususnya perpaduan umat Islam dan juga pandangan baik daripada negara-negara Islam khususnya negara-negara Arab. Dalam hal ini akan menjadikan perpaduan umat Islam lebih erat lagi. Sekian.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Oleh sebab perbelanjaan dalam bahagian (a) itu nampaknya lebih banyak jika dibandingkan dengan (b) dan (c) dan perkara yang menarik perhatian saya ialah mengenai astaka. Soalan saya ialah apakah astaka atau apa-apa kelengkapan yang lain yang disediakan pada tahun yang berkenaan itu akan boleh digunakan juga dalam tahun yang berikutnya?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkembangan dan kemajuan Musabaqah Membaca Al-Quran ini dan juga sambutan baik daripada orang ramai, maka difikirkan ada baiknya diubah daripada satu masa ke satu masa astaka dan persiapan-persiapan yang lain.

PENDAFTARAN PENGUNDI

3. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa nombor pendaftaran pengundi dicatit di kaunterfoil

kertas undi dan samada amalan ini akan dibatalkan kerana ia tidak menjamin prinsip "rahsia kertas undi".

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Sharir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, amalan mencatatkan nombor siri pengundi pada kaunterfoil kertas undi apabila kertas undi itu diberikan kepada si pengundi yang berkenaan adalah bertujuan untuk membuat pengesahan ataupun sebaliknya menyangkal dakwaan yang dibuat oleh seseorang pengundi dalam apa-apa petisyen pilihanraya yang mendakwa bahawa ia telah tidak diberi kertas undi di dalam satu-satu pilihanraya. Amalan seperti ini bukan sahaja terdapat di negara kita bahkan terdapat juga di beberapa buah negara lain yang mengamalkan sistem demokrasi.

Amalan ini sama sekali tidak menjejaskan kerahsiaan kertas undi itu oleh kerana mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada, tidak ada kemungkinan kertas-kertas undi yang telah digunakan itu dibandingkan dengan kaunterfoil masing-masing memandangkan kedua-duanya ini dimasukkan dan dimeterikan dalam dua sampul yang berasingan, dan kedua-dua sampul itu tidak boleh dibuka oleh sesiapaupun kecuali dengan perintah Hakim Pilihanraya Mahkamah Tinggi, oleh hal yang demikian, Kerajaan tidak akan membatalkan amalan ini.

KES-KES DI MAHKAMAH

4. Tuan A. K. Aliuddin (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan kes-kes kebelakangan yang telah lama dan bertimbun di mahkamah-mahkamah Sabah.

Tuan Sharir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, tindakan telahpun diambil untuk menyelesaikan kes-kes kebelakangan dengan menambah bilangan Majistret-majistret. Sementara menunggu Majistret-majistret tersebut diambil kerja oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Kehakiman telahpun mengambil beberapa orang Majistret Sementara untuk menyelesaikan kes-kes kebelakangan itu.

LING LIONG SIK RENT REVIEW COMMITTEE

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah perkembangan yang tercapai setakat ini yang dibuat oleh "Ling Liong Sik Rent Review Committee" yang menyemak semula peraturan kawalan sewa di negara kita, dan bilakah lapuran tersebut akan diumumkan kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat itu adalah lebihkurang serupa dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 11-10-78 yang mana jawapan telahpun diberikan.

PELAJARAN PERCUMA

6. Tuan A. K. Aliuddin (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau menganggap layak dan wajar, berasaskan peri kemaknusiaan untuk mengadakan pelajaran percuma atau kelas-kelas khas bagi kanak-kanak yang tiada berpeluang mendapat pelajaran disebabkan kemiskinan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, pelajaran percuma telahpun diberi kepada semua murid-murid dari Darjah Satu sehingga Tingkatan 3 pada tahun 1978. Di samping itu murid-murid adalah diberi buku percuma dan sebilangan kecil yang tidak mampu dikurniakan dengan biasiswa-biasiswa dan juga dermasiswa tertentu.

Oleh sebab kemudahan-kemudahan telah diberi, Kementerian Pelajaran tiada bercadang mengadakan kelas-kelas khas bagi kanak-kanak yang tiada mendapat pelajaran.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan persekolahan percuma kepada penuntut-penuntut sekolah tinggi seperti universiti di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Meliputi pelajaran tinggi?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. David.

NAHAS KAPALTERBANG MAS B 737 DAN JAL DC 8

7. Tuan V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada beliau boleh memberitahu Dewan ini keputusan penyiasatan yang dibuat oleh Kementerian beliau ke atas dua kemalangan udara yang berlaku dalam bulan Oktober, 1977 dan bulan Disember, 1977 dan samada beliau boleh memberi butir-butir lanjut ke atas penyiasatan yang dibuat oleh pakar-pakar dari England ke atas pita rakaman kotak hitam.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan mengenai keputusan penyiasatan nahas kapalterbang MAS 737 telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan apabila menjawab soalan mulut dan soalan-soalan tambahan yang sama maksudnya dari Ahli Yang Berhormat dari Menglembu pada 27hb Oktober, 1978 yang lalu di Dewan yang mulia ini dan saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

Mengenai dengan nahas yang lagi satu, iaitu kapalterbang JAL DC 8 yang berlaku pada 27hb September, 1977 Kementerian diberitahu oleh Ketua Pegawai Penyiasat kemalangan tersebut bahawa laporan mengenai kemalangan itu akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah Kerajaan boleh melantik satu suruhanjaya bebas untuk menyiasat kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan juga rakyat jelata tidak puas hati atas siasatan yang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri melantik satu badan bebas yang boleh menyiasat dan memberi satu laporan supaya Kerajaan boleh periksa pada masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang mana? Adakah kemalangan bulan Oktober 1977?

Tuan V. David: Ya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak ada hajat hendak melantik mana-mana satu badan bebas.

Tuan Chan Teck Chan: Mengenai nahas pada bulan Disember lalu saya yakin bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu sedar bahawa berbagai masalah dan perbuatan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini mengenai kemalangan bulan Disember. Peraturan Mesyuarat kata, perkara yang sudah dibangkitkan di dalam Dewan ini, tidak payah dibangkitkan lagi. Tidak boleh dibangkitkan lagi, mengenai kemalangan bulan Oktober itu tidak apalah. Ini ada dua kemalangan satu mengenai kemalangan bulan Oktober, 1977 boleh, kedua mengenai kemalangan bulan Disember sudah habis.

Tuan V. David: Adakah Yang Berhormat Menteri fikirkan bahawa dalam perkara ini akan dilantik satu badan bebas supaya boleh siasat perkara ini sebab ramai penduduk di negara ini tidak puas hati terhadap laporan yang diberi oleh Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab tadi.

Tuan V. David: Tidak boleh fikir.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak fikir apa lagi, dia belum berhajat. Macam mana hendak paksa dia.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa siasatan mengenai kemalangan udara yang berlaku pada bulan Oktober mengenai Japan Airlines yang berlaku dua bulan sebelum nahas kapalterbang MAS Boeing 737 belum siap tetapi sebaliknya siasatan mengenai kemalangan udara yang berlaku dua bulan selepas kemalangan pertama sudah siap? Apakah sebabnya?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan itu, sebenarnya laporan itu telahpun dibuat oleh pihak yang berkenaan. Tetapi mengikut amalan antarabangsa maka perlulah pihak Jawatankuasa Penyiasatan Kemalangan bulan September itu

Tuan Yang di-Pertua: Bulan Oktoberkah atau September Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Bulan September, 1977.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Oktober. Yang betul September?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: 27hb September, 1977.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa dijawab tadi. Tidak adalah jawapannya sebab, pada bulan Oktober tidak ada kemalangan (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Dalam bulan Oktober tidak ada kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, habis buat apa dijawab lagi tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Minta jawab dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik jawab. September pun, Septemberlah.

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis lagi.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Ke-lambatan yang berlaku ini oleh sebab Jawatankuasa Penyiasatan itu terpaksa menumpukan penyiasatannya yang utama kepada kemalangan kedua yang kemudian daripadanya iaitu kemalangan MAS B. 737 dan satu lagi sebab-sebab yang menjadikan tidak dapat dikeluarkan keputusan penyiasatan itu ialah oleh kerana memang menjadi satu amalan antarabangsa bahawa sebelum laporan penyiasatan kemalangan JAL DC 8 itu dibuat, perlulah laporan pihak Jawatankuasa penyiasatan itu difinalisekan oleh Suruhanjaya Penyiasatan Kemalangan Kapal-terbang Jepun (*Japanese Aircraft Accident Investigation Commissions*).

Tuan Lim Kit Siang: Adakah laporan berkenaan dengan kemalangan yang berlaku dalam bulan September apabila siap akan diumumkan seperti laporan mengenai kemalangan MAS Boeing 737 dalam bulan December?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Mengenai masalah ini terpulanglah kepada keputusan yang akan dibuat oleh pihak Kerajaan.

PERMIT LORI "A"

8. Tuan Ismail bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa syarat yang mewajibkan pemohon-permit lori "A" dirujuk kepada MARA telah menimbulkan banyak kesulitan. Kalau sedar, apakah tindakan beliau untuk mengkaji semula syarat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang adanya syarat mewajibkan semua permohonan-permohonan lori "A" dirujuk kepada MARA terlebih dahulu sebelum ianya ditimbangkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Namun demikian, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, semua permohonan-permohonan lori yang beratnya lebih dari 137 cwts sahaja yang dikenakan syarat tersebut. Setakat ini, tidak ada kesulitan yang timbul, walau bagaimanapun, oleh kerana kedua-dua Badan ini adalah di bawah Kementerian Perusahaan Awam, peraturan ini mungkin dikaji.

MENULIS DAN MEMBACA BAGI KANAK-KANAK SEKOLAH

9. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa ramai bilangan murid-murid walaupun yang sudah di Darjah Enam tidak pandai menulis dan membaca, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini mengatasi masalah tersebut, atau adakah itu keadaan biasa semula jadi, memandangkan ramainya bilangan kanak-kanak bersekolah.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, dengan adanya Pendidikan Universal yang dijalankan oleh Kerajaan, tiap-tiap kanak-kanak dijamin tempat di sekolah rendah serta dibolehkan naik darjah secara automatik hingga Tingkatan Tiga, maka tentulah ada pelajar-pelajar yang lembab ketinggalan dalam pelajaran mereka. Oleh yang demikian Kementerian Pelajaran telah melancarkan satu Rancangan Pendidikan Pemulihan sejak 1975 di sekolah-sekolah rendah di mana murid-murid yang lembab dapat diberi perhatian khas oleh guru-guru yang sudah mendapat latihan khas.

Rancangan ini akan diperluaskan untuk meliputi semua sekolah rendah dengan bertambahnya bilangan guru-guru terlatih dalam bidang pelajaran untuk kanak-kanak lembab.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, kerana banyaknya murid-murid sunguhpun sudah belajar sampai darjah enam, tetapi kebanyakan di antara mereka adalah menghadapi satu penyakit "tiga tidak"—tidak tahu membaca, tidak tahu menulis, tidak tahu mengira—maka adakah pihak Kementerian Yang Berhormat akan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat serta pelaksanaan sistem pelajaran yang ada pada hari ini supaya masalah-masalah yang berpunca daripada sistem pelajaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar hari ini boleh diatasi juga.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, untuk makluman kepada Dewan yang mulia ini iaitu Jawatankuasa Kabinet untuk membincangkan pelaksanaan sistem pelajaran masa ini ada membincangkan perkara tersebut dan kita menunggu laporan itu.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, adakah Laporan Kabinet ini akan diumumkan untuk pengetahuan orang ramai dan juga Dewan ini?

Dato' Chan Siang Sun: Laporan itu akan sampai kepada Kerajaan dahulu, jadi Kerajaan akan buat satu ketetapan di atas laporan itu akan diumumkan atau tidak.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya daripada pertanyaan itu banyak murid-murid yang lulus darjah enam tidak boleh membaca. Bolehkah Kementerian yang berkenaan beritahu Dewan ini peratusnya lebih kurang yang tidak tahu membaca?

Tuan Yang di-Pertua: Mana dia tahu, yang bertanya ini orang lain.

Dato' Chan Siang Sun: Minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Mana boleh jawab.

Dato' Chan Siang Sun: Maaf.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di atas penerangan Timbalan Menteri tadi mengakui

adanya kelemahan tersebut dan di antara murid yang tidak tahu menulis, saya percaya termasuk tulisan jawi. Adakah Kementerian Pelajaran berpuas hati dengan cara mengajar tulisan jawi yang ada sekarang atau hendak mengubah cara mengajarnya lagi.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, perkara ini boleh ditimbang.

PENUNTUT-PENUNTUT DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

10. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Pelajaran menyatakan apa langkah dan tindakan positif yang akan diambil oleh Kementerian untuk menambah lagi pengambilan bilangan penuntut-penuntut masuk Institusi-institusi Pelajaran Tinggi kita kerana ramai anak-anak warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran tinggi tertinggal sebab kekurangan tempat di Varsiti-varsiti tempatan kita.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa berusaha untuk membanyakkan peluang-peluang pelajar-pelajar negara ini untuk melanjutkan pelajaran mereka di institusi pelajaran tinggi. Sekarang ini Malaysia mempunyai 5 buah universiti-universiti yang mana 4 buah universiti iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia telah ditubuhkan dalam tempoh yang singkat iaitu tidak sampai 10 tahun. Selain daripada itu cawangan kampus Universiti Pertanian telah didirikan di Sarawak dan cawangan kampus Universiti Kebangsaan telah didirikan di Sabah.

Buat masa ini Universiti-universiti tersebut masih dalam proses pembangunan (konsolidasi). Universiti Kebangsaan Malaysia baru saja berpindah ke kampus tetapnya di Bangi dan Universiti Teknologi Malaysia masih lagi berada di kampus sementara di Kuala Lumpur kerana kampus tetapnya di Johor belum lagi siap. Apabila siap pembangunan kampus-kampus tetap universiti-universiti ini kelak, bilangan pelajar yang dapat diambil tentulah akan bertambah.

Selain daripada universiti-universiti di atas, Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa buah institusi pelajaran tinggi yang lain seperti ITM, Politeknik Ungku Omar di Ipoh,

Politeknik Kuantan dan membiayai 50% daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kolej Tunku Abdul Rahman.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di dalam jawapan yang lepas tidak ada satu negara pun di dalam dunia ini yang dapat menyediakan tempat untuk semua pelajar-pelajar yang mahu dan layak memasuki institusi pelajaran tinggi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai satu langkah untuk menambah lagi pengambilan penuntut-penuntut masuk institusi-institusi pelajaran tinggi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini samada beliau bersetuju dan menyokong satu cadangan untuk menaikkan taraf Kolej Tunku Abdul Rahman sebagai status universiti dan bolehkah beliau menyatakan bila Kementerian Pelajaran akan membuat satu keputusan mengenai perkara ini?

Dato' Chan Siang Sun: Itu soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak sokong?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan paksa Timbalan Menteri menjawab soalan itu.

PINJAMAN MOTOKAR

11. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan samada Kerajaan sedar bahawa ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang berkelayakan mendapat pinjaman motokar seperti yang biasa didapati dahulu telah ditolak dengan alasan bahawa hanya yang berhak mendapat mileage sahaja dibenarkan memohon pinjaman tersebut. Samada Kerajaan akan menimbangkan semula untuk memberi pinjaman tersebut kepada mereka yang layak sesuai dengan kemudahan yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/77, syarat utama bagi pegawai Kerajaan mendapat pinjaman dari Kerajaan untuk membeli kenderaan ialah seseorang pegawai itu sesungguhnya memerlukan kenderaan untuk menjalankan tugas-tugas rasminya sehari-hari dengan licin dan sempurna.

Selain dari syarat utama ini, kelayakan meminjam adalah bergantung kepada fakta-fakta lain seperti berikut:

- (i) Maksima kelayakan adalah berpandukan kepada gaji pegawai;
- (ii) Seseorang yang tiada berkelayakan dari segi gaji tetapi mustahak menggunakan motokar menjalankan tugas rasminya dengan sempurna, akan juga diberi pertimbangan pinjaman wang Kerajaan sekiranya memenuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut;
 - (a) Jumlah perjalanannya kerana tugas rasmi itu melebihi 200 batu sebulan;
 - (b) Pegawai berkemampuan membayar balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan tanpa mengalami sebarang kerumitan kewangan; dan
 - (c) Kelulusan menuntun elaun hitungan batu Kelas "C" dari Jabatan Perkhidmatan Awam diperolehi oleh pegawai berkenaan.

Setakat masa ini Kementerian Kewangan tidaklah sedar akan adanya kes yang melibatkan pegawai yang berkelayakan penuh tetapi tidak diluluskan pinjaman kenderaannya. Walau bagaimanapun, sekiranya ada bukti ini telah berlaku pihak Kementerian akan bersedia untuk membuat siasatan mengenainya.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kewangan akan mengkaji semula atas jumlah pinjaman maksima yang dikeluarkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan kerana dengan jumlah yang ada pada hari ini didapati sangat sukar bagi pegawai-pegawai Kerajaan hendak membeli kereta?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan terakhir telah dibuat ialah berkuatkuasa 1-7-1977. Jadi pada masa ini tidak ada cadangan untuk menyemak semula kerana kenaikan telah diberi.

Mengenai soalan yang kedua ini sebenarnya pinjaman kenderaan ini bukanlah diberi kepada pegawai untuk membiayai sepenuhnya pembelian kereta-kereta kerana adalah diharapkan kewangan daripada Kerajaan ini hanya akan membantu pegawai tersebut membeli kereta seperti juga bila meminjam perumahan. Perlulah pegawai sendiri mempunyai sebahagian daripada kewangan untuk membiayai pembelian kereta itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengubah undang-undang yang berkuatkuasa berhubung dengan duti harta pesaka; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PEMBANGUNAN DAN KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit dan lain-lain pindaan kepada Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (1hb November, 1978).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (1hb November, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini ialah hari yang ketujuh bagi perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Termasuk hari ini ada tiga hari lagi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dan pada 7hb dan 8hb Yang Berhormat Menteri-menteri

akan menjawab. Pada masa ditangguhkan Dewan hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang baru memulakan ucapannya, saya jemput beliau untuk menyambungannya.

3.15 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya, suka saya menyentuh mengenai Peraturan Mesyuarat Dewan ini iaitu Buku Cetakan Ketujuh, April, 1978 yang mana di dalamnya ada disebut perkataan "Bismillah". Tetapi malangnya, Setiausaha Dewan yang mulia ini ketika membaca doa pembukaan persidangan ini tidak kedengaran membaca Bismillah yang mana dua buku ada di hadapan saya ini ada menyebut "Bismillahirrahmani-rahim" tetapi Setiausaha Dewan ini membaca: Doa "Segala puji bagi Tuhan dibuka Majlis . . ." walhalnya "segala puji bagi Allah . . ." nama-nama "Allah" tidak disebut, nama-nama am "Tuhan" sahaja. Begitu juga diakhirnya: "Ya Tuhan, dipohonkan . . ." tetapi "Ya Allah, dipohonkan . . .". "Amin, Ya Tuhan seru alam sekelian" alam tetapi tidak dibaca "Amin Ya Allah". Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan akan dapat mengambil tindakan untuk menguatkuasakan perkataan "Bismillah" itu supaya dapat melambangkan kedudukan Dewan ini yang menghormati agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam masalah gambar menjolok mata yang saya sebutkan itu, masalah iklan-iklan perdagangan samada melalui alat-alat sebaran am di negara kita dan juga melalui papan-papan tanda (sign-boards) di jalan-jalanraya, di kedai-kedai buku, di kertas-kertas surat-menyurat, kebanyakannya memamerkan gambar-gambar lucah yang tidak sesuai dengan dasar Kerajaan untuk membina rakyat yang bermoral dan bersatu padu. Contohnya saya bawa di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat keizinan, bukan teruk sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Perkataannya, "It's really different" (Ahli Yang Berhormat menunjukkan gambar kepada Dewan). Daripada kecil lagi sudah membuka seluar dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua: Budak-budak mana ada pakai seluar dalam sangat (*Ketawa*).

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tunjuk gambar budak buat apa? (*Ketawa*).

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Jadi bukan sahaja merosakkan generasi muda kita, kerana banyak saya dapati tulisan-tulisan seperti "Love Lesson"—gambar budak kecil bercium—berbagai-bagai, daripada kecil lagi sudah ditayangkan ada yang mencuci ponggongnya dan sebagainya. Jadi ngeri sungguh sangatlah kita rasa, bukan sahaja budak-budak yang masih hijau malahan boleh juga merosakkan orang-orang dewasa termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengambil tindakan yang tegas terhadap sebarang bentuk iklan yang mempamerkan gambar lucah itu. Sudah sampai masanya kita mengambil tindakan terhadap mereka yang mencari keuntungan perniagaan dengan mengakibatkan kerosakan kepada rakyat negara ini. Mereka yang berbuat demikian patut dianggap lebih merbahaya dari komunis.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai usaha-usaha Kerajaan hendak mempertingkatkan syiar Islam di negara kita ini, saya adalah menyokong penuh suatu cadangan dari Tuan Yang di-Pertua sendiri mengenai penubuhan Darul Quran. Cadangan ini adalah memang patut diberi pujian yang setinggi-tingginya kerana dengan adanya Darul Quran . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang di-Pertua tidak pernah memberi cadangan itu.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua sebagai Ketua Dakwah Islamiah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, beliau tak ada di sini (*Ketawa*), yang ada ini Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua, beliau ialah Tan Sri Syed Nasir.

Dengan adanya Darul Quran itu negara kita akan lebih maju dari negara-negara lain dalam bidang kajian dan membongkar rahsia-rahsia al-Quran untuk kejayaan dan kemakmuran negara kita.

Saya berpendapat Darul Quran tersebut hendaklah didirikan dengan seberapa segera yang boleh dan apabila didirikan kelak, patutlah kita menjemput segala pakar-pakar dan ulama-ulama tanahair dan antarabangsa untuk berkhidmat di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan menjaga maruah agama Islam dan umatnya, saya berharap Kerajaan dapat mengambil tindakan terhadap orang-orang bukan Islam yang terlibat dengan kes-kes khalwat. Dalam hal ini tentulah tidak wajar membiarkan orang-orang Islam sahaja menjadi mangsa keadaan dan pengaruh-pengaruh lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitikberatkan masalah dadah yang melibatkan para Belia menggesa setiap lapisan masyarakat supaya sentiasa berwaspada dan melibatkan diri dalam usaha pencegahan ini sebagai tanggungjawab keluarga dan anggota masyarakat, meminta Kerajaan menitikberatkan satu undang-undang sesiapa yang disyaki menagih dadah terus ditangkap untuk ujian darah dan kencing bagi memastikan samada terlibat atau tidak. Pada masa ini kalau tidak ada bukti pihak Polis tidak boleh menangkap kerana tidak ada bukti yang penuh.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak lama lagi Kerajaan akan melancarkan bulan dakwah, maka saya menyeru pihak Kerajaan supaya mengatasi masalah penagih-penagih dadah yang berlaku di dalam Pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia di Woodlands. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera, mungkin akan merebak dengan lebih luas ke tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, di negara tetangga kita telahpun menghukum hukuman bunuh yang begitu tegas iaitu Singapura, seorang wanita dengan teman setidurnya dihukum gantung dan di negara kita ini saya belum mendengar lagi hukuman ini dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula mengenai galakan pihak Kerajaan terhadap pelabur-pelabur asing melaburkan modal di

negara kita. Saya berharap dapatlah Kerajaan mengadakan undang-undang bagi membenarkan pekerja-pekerja yang beragama Islam menunaikan sembahyang Jumaat dengan masa yang cukup. Dengan adanya undang-undang demikian bukan sahaja memberi peluang kaum bumiputra memasuki bidang-bidang pekerjaan di sektor swasta, tetapi juga diharap Kerajaan akan memastikan peratus penyertaan atau pengambilan pekerja bumiputra di sektor swasta itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula berkenaan penetapan kadar bunga yang dikenakan oleh Kerajaan terhadap pinjaman perumahan, saya berharap Kerajaan juga akan dapat mengadakan undang-undang bagi menurunkan kadar bunga yang begitu tinggi yang dikenakan berdasarkan kadar yang lama atau yang terdahulu. Pihak-pihak bank swasta patutlah mengikuti kadar bunga yang ditetapkan oleh Kerajaan sekarang dan tidak harus meneruskan penindasan berdasarkan keadaan inflasi yang berlaku beberapa tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, izinkan saya menyentuh mengenai masalah Tanah Reserve Melayu yang banyak sudah tergedai ke tangan orang bukan Melayu, iaitu ke tangan bukan bumiputra, pihak Kerajaan patutlah mengambil tindakan membeli semula tanah-tanah tersebut. Di samping itu pihak Kerajaan juga patut mengadakan undang-undang yang lebih ketat bagi mengawal tanah-tanah Reserve Melayu yang semakin berkurangan itu dimiliki oleh orang bukan bumiputra. Usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan nilai ekonomi tanah-tanah Reserve Melayu adalah sangat dialu-alukan, tetapi memecahkan benteng hak-milik itu kepada golongan di luar kalangan bumiputra adalah bererti memusnahkan harta milik kaum bumiputra dari segi jangka panjangnya.

Akhir, Tuan Yang di-Pertua, kami Ahli-ahli Dewan Rakyat ini berharap sangat sekiranya beg untuk mengisi segala buku-buku yang begitu banyak di hadapan kami ini bagi Penggal Yang Kelima ini patutlah disegerakan.

Sekian, saya turut menyokong Belanjawan ini.

3.24 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Md. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam Majlis yang mulia ini menyokong penuh usul Belanjawan negara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada 20hb Oktober, 1978 yang lalu.

Dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menegaskan akan melaksanakan cita-cita Kerajaan mewujudkan Malaysia gembira yang bersatu, bangga dan gagah. Peruntukan-peruntukan Belanjawan pada tahun 1979 akan diberi ketutamaan yang lebih kepada usaha membasmi kemiskinan, mengurangkan pengangguran serta meneruskan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga, seterusnya Belanjawan ini juga akan mencerminkan ketutamaan pada usaha menjaga keselamatan negara serta menyeleggara undang-undang dan ketenteraman.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bersama-sama dengan pegawai-pegawainya yang telah bekerja bertungkus-lumus untuk menghasilkan Anggaran Belanjawan yang begitu kemas dan sempurna bagi tahun 1979 untuk memenuhi keperluan rakyat seluruhnya, lebih-lebih lagi pada mereka yang miskin. Dalam lain perkataan Anggaran Belanjawan yang telah diusahakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bagi tahun 1979 ini dapat diterima dengan baik oleh sebilangan besar rakyat di negara kita ini meskipun ada terdengar sungutan-sungutan tidak puas hati dari sebilangan kecil manusia, ini sudah menjadi kebiasaan kepada mereka ini, walau hujan emas sekalipun dicurahkan, mereka tidak akan berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan apa yang dilaung-laungkan oleh parti Pembangkang dan kuncu-kuncu mereka tentang polarisasi perkauman. Pada mereka itu kononnya ubat yang boleh mengurangkan polarisasi perkauman ialah Kerajaan tutup mata dan parti Pembangkang dan kuncu-kuncu mereka boleh buat apa mereka suka dan bermaharajalela sewenang-wenangnya di negara kita ini. Misalnya, jangan ada dasar-dasar pelajaran, sebarkan hak kerakyatan

tanpa disemak dan dihalusi, tidak ada Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain. Pendekata jadikan tanahair kita Malaysia ini sebagai sebuah tanah jajahan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan iaitu ubat-ubat yang kononnya boleh mengubatkan polarisasi kaum ciptaan DAP bukanlah ubat, tetapi kuman polarisasi perkauman yang maha berbahaya yang akan meracunkan toleransi antara kaum yang akan menghancurkan negara kita dan memusnahkan taat-setia warga negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu pada 27hb Oktober, 1978 yang masih lagi membangkitkan perkara penjualan saham kepada Bumiputra yang dikatakan tidak adil kerana hanya memberi peluang kepada UMNO Putra sahaja. Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan lagi masalah pembelian 5,000 saham Syarikat Kuala Lumpur/Kepong oleh Menteri Kebajikan Am. Sebelum saya memberi huraian selanjutnya, saya suka menyatakan di sini bahawa saya menyokong pendapat rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang telah meminta Kerajaan mengambil tindakan yang tegas ke atas pegawai-pegawai Kerajaan yang suka memberi maklumat kepada penulis-penulis asing yang dengan sengaja menulis rencana-rencana yang boleh memberikan gambaran yang salah ataupun untuk menaikkan kemarahan dan menimbulkan salah faham antara rakyat di negeri ini seperti yang kerap tersiar dalam *Far Eastern Economic Review* itu.

Untuk maklumat khasnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dan juga penulis rencana *Far Eastern Review*, saya suka memberitahu Dewan ini bahawa sebagai ahli Koperasi Derma Jaya Wanita Berhad, sebuah syarikat kerjasama hanya dianggotai oleh kaum wanita, saya tahu sepenuhnya bagaimana saham Syarikat Kuala Lumpur/Kepong itu dibeli oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am. Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am tidak pernah menerima tawaran saham daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi sebagai Pengerusi Koperasi Derma Jaya Wanita Berhad, beliau ada mendaftarkan koperasi ini sebagai pemohon saham sebelum pilihanraya yang lalu. Koperasi Derma Jaya Wanita Berhad telah menerima dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dua keping

borang saham Syarikat Kuala Lumpur/Kepong. Satu borang telah ditulis atas nama Koperasi Derma Jaya Wanita Berhad sebanyak 50,000 saham dan yang satu lagi 5,000 saham kosong sahaja, tidak ditulis atas nama sesiapa. Koperasi Derma Jaya Wanita Berhad hanya termampu membeli 50,000 saham sahaja, itupun dengan susah payah untuk mencukupkan wang. Kerana sayangkan tawaran 5,000 saham lagi disebabkan tidak ada sesiapa yang sanggup membayar ketika itu, maka Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am selaku Pengerusi Koperasi Derma Jaya Wanita Berhad telah diminta untuk membeli dahulu saham tersebut dan kemudian kelak bolehlah pula dijual kepada ahli-ahli koperasi yang mampu membelinya. Inilah sahaja satu cara yang dapat dibuat oleh koperasi kami yang kebanyakan ahlinya tidak cukup wang untuk membeli saham. Jadi sungguhpun saham 5,000 itu masih lagi terdaftar atas nama Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, yang sebenarnya 3,500 sudahpun dijual kepada ahli koperasi dan bakinya 1,500 saham akan dijual juga kepada ahli-ahli yang lain yang mahu membelinya. Pindah hak milik hanya dapat dilakukan setelah bayaran diselesaikan. Saya harap jangan pula ada Ahli Yang Berhormat di Dewan ini heboh pula mencari maklumat samada sudah pindah milik atau belum.

Sebenarnya kami ahli koperasi wanita berterima kasih kerana sukar bagi kami untuk dapat mengumpulkan wang sekaligus membeli saham dan memang tidak mampu tetapi kalau ada yang boleh membayar dahulu, kemudian dibayar balik bila sudah ada wang, adalah satu jalan untuk kami dapat membeli saham. Dengan itu saya harap perkara 5,000 saham yang dikatakan akan memperkayakan Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am itu tidak berbangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya mengenai belanjawan ini, saya ingin membicarakan kenyataan dari rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 25hb Oktober, 1978 tentang setengah-setengah harga barang yang telah diturunkan secara rasmi. Kita mengucapkan syukur alhamdulillah, tetapi apa yang kurang menyenangkan hati terdapatnya penjual-penjual barang-barang yang telah disenaraikan turun harea seperti ini dengan yang lama. Apabila mereka dipersoalkan tentang sebab-sebabnya, mereka tidak menurunkan harga, mereka menjawab bahawa mereka akan mengalami kerugian yang besar jika berbuat demikian.

Apa yang menyedihkan kita ialah pihak pembeli terutamanya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah yang menjadi mangsa. Saya mencadangkan pihak Kerajaan mengawasi dengan sewajarnya supaya keistimewaan turun harga barang yang telah diisytiharkan itu dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat.

Contohnya pada tahun 1974 manakala harga barang naik dengan sekelip mata, penjual-penjual telah menyalahkan pihak Kerajaan. Dalam lain perkataan mereka menuduh pihak Kerajaan yang bertanggungjawab menaikkan harga barang dan tidak siapa yang sanggup menanggung kerugian berhubung hal ini samada pihak penjual mahupun pihak pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pihak Kerajaan kurang sedar tentang adanya kekecohan yang dilakukan oleh pihak penjual atau saudagar besar yang melapurkan pendapatan mereka kepada pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Perbuatan seperti itu boleh merugikan negara dari segi kemerosotan ekonominya. Apa yang harus dilakukan untuk memecahkan masalah ini ialah dengan membekalkan ramai lagi pegawai-pegawai yang bukan sahaja cekap dan berkalibar dalam perkara ini malah beramanah dan jujur juga. Kiranya dapat dilaksanakan rancangan ini, sudah pasti dapat bertambah lagi hasil negara kita setidak-tidaknya bertambah 20% lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin pula menyentuh Kementerian Kesihatan. Semakin hari semakin meningkat bilangan rakyat Malaysia dari berbagai bangsa, keturunan dan anutan ugamanya. Apa yang lebih ketara kepada kita hari ini berhubung dengan masalah kekurangan doktor yang dihadapi oleh negara kita. Meskipun sedikit sebanyak masalah ini telah dapat diatasi oleh Kerajaan dengan mempelawa doktor-doktor dari luar negeri berkhidmat di sini, namun masalah yang menyeluruh dari segi ini masih belum boleh dikatakan sudah selesai. Apa yang sebenarnya berlaku ialah doktor-doktor Kerajaan meninggalkan jawatan mereka untuk mendirikan klinik-klinik persendirian sesudah setahun-dua berkhidmat dengan Kerajaan. Ada pula yang berhijrah ke luar negeri dengan alasan bahawa mereka boleh mendapat keuntungan yang lebih lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa perhatian yang sewajarnya harus diberikan di atas perkara ini. Kita harus meninjau sebab mengapa doktor-doktor dari golongan ini sanggup meninggalkan jawatan mereka dengan Kerajaan. Andai kata mereka kurang diberikan keutamaan dan kemudahan yang seharusnya diberikan kepada mereka sebagai doktor, maka pihak Kerajaan hendaklah berusaha memperbaikinya secepat mungkin untuk menghindarkan mereka meninggalkan jawatan Kerajaan. Kalaulah mereka meninggalkan negara ini semata-mata untuk memperolehi pendapatan yang lumayan di negara lain tanpa menghiraukan masalah yang dihadapi oleh negaranya sendiri, dari segi ini eloklah taraf kerakyatan mereka dilucutkan sekiranya mereka kembali ke negara ini sesudah berada di luar negeri beberapa tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh berkenaan pasukan bersenjata kita. Tidak banyak disuarakan tentang nasib ahli pasukan bersenjata baik dalam pasukan tentera mahupun pasukan polis yang telah mendapat cedera parah dalam menjalankan tugas mereka menjaga keamanan dan keselamatan negara sehingga tidak dapat berkhidmat lagi. Selalunya disebabkan kecacatan anggota dari segi penglihatan, lumpuh, kudung dan sebagainya. Selain daripada mendapat bayaran sugu hati dan pencen yang kecil, adakah apa-apa kemudahan yang diberikan kepada anak-anak isteri mereka. Sebagai seorang ibu, saya sangat faham perasaan isteri-isteri anggota pasukan keselamatan kita itu. Betapa sedihnya melihatkan suami yang tercinta tiada dapat lagi menjalankan kewajipan sebagai seorang suami dan ayah, apatah lagi apabila sudah terus terkorban. Anak-anak yang tinggal perlukan pembelaan untuk meneruskan penghidupan, sedangkan sugu hati atau pencen yang diterima tidak mencukupi untuk menyediakan tempat tinggal mereka. Anak-anak mesti diberi makanan, pakaian dan pelajaran.

Saya ingin mengesyorkan anak-anak mereka diberi pelajaran percuma sehingga ke peringkat sekolah menengah dan jika anak-anak mereka itu ada berkebolehan, hendaklah diberi keutamaan scholarship meneruskan pelajaran sehingga ke universiti. Negara dan kita semua sangat menghargai pengorbanan anggota keselamatan dan Polis. Untuk mengenang jasa mereka itu hendaklah diberi

penghargaan yang setimpal dengan pengorbanan mereka. Langkah yang paling berkesan ialah memberikan anak-anak mereka itu peluang hidup masa hadapan yang terang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana menyumbangkan peruntukan yang lebih besar kepada pembangunan. Walaupun negara kita ini boleh dikatakan baharu sahaja mencapai kemerdekaan yakni dalam jangka 21 tahun, namun sudah dapat dibanggakan. Banyak pembangunan yang mengkagumkan di sana sini kelihatan pencakar langit, bangunan-bangunan yang berunsur kebudayaan Malaysia, hotel-hotel, kilang-kilang dan gedong-gedong swasta dan sebagainya. Maka dapat dipastikan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan ini memberikan menafaat kepada rakyat. Semua ini melambangkan kejayaan negara begitu pesat yang sangat menggalakan. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Kerajaan yang telah menjadikan semuanya ini sebagai kenyataan yang dapat disaksikan dengan mata kepala kita sendiri. Tiada siapa yang berfikiran waras sanggup menafikan kebenaran ini dengan mencaci bahawa pihak Kerajaan tidak berbuat apa-apa demi kebaikan rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan jalanraya di seluruh negara kita mencerminkan identiti negara yang patut dibanggakan. Ini diakui oleh pihak antarabangsa. Dunia luar mengakui jalanraya di negara kita amat teratur dan menarik minat pelancong-pelancong dari luar negeri. Contohnya, lebuh raya Grik ke Kota Bharu berjuta-juta ringgit wang negara dicurahkan di situ. Saya nampak pada masa hadapan khasnya negeri saya, negeri Perak akan bertambah maju apabila projek ini disiapkan. Sumber-sumber kekayaan negara sudah pasti akan bertambah, tetapi saya ingin tahu apakah pandangan dan rancangan Kerajaan kepada projek-projek ini? Adakah Kerajaan bercita-cita hendak membuat pelan induk memodenkan atau membandarise kawasan ini? Malangnya sungguhpun peruntukan sudah ada, pelaksanaannya belum lagi beres. Rakyat tertunggu-tunggu untuk mencapai nikmatnya. Kita masih terdapat lagi projek-projek atau rancangan-rancangan yang berkeadaan beku. Contohnya, ada beberapa tempat di kawasan saya di Kuala Kangsar telahpun bergema dilaungkan hendak dibina lebuh raya dari Ipoh ke

Menglembu terus ke Rambai Tujuh, lebuhraya dari Bendang Kering terus ke Parit sejauh 8 batu serta lebuhraya dari Manong Semat terus ke Tanjung Belanja sejauh 10 batu, tetapi sehingga hari ini belum lagi nampak kesan-kesan untuk dilaksanakan. Sedangkan rakyat tertunggu-tunggu untuk menikmati dan memperbaiki kehidupan mereka.

Sudah sampai masanya bagi pihak Kerajaan membangunkan perkampungan yang moden di sepanjang jalan raya yang tersebut ini dengan membekalkan air, letrik dan sebagainya. Begitu juga rancangan untuk membina dua jambatan yang konkrit untuk menyambung satu kampung dengan kampung yang lain sepertimana dari Bukit Chermin ke Bendang Kering dan juga Kampung Menora di kawasan saya, peruntukan bagi projek ini sudahpun disediakan tetapi belum lagi nampak tanda-tanda perlaksanaannya. Pada fikiran saya kedua-dua jambatan ini patutlah dibina dengan segera kerana kedua-duanya sudah terlalu lama dan usang. Andainya dibiarkan begitu sahaja, saya bimbang jambatan-jambatan yang dibicarakan ini akan menemui ajalnya. Saya memohon kepada Kerajaan supaya memikirkan masalah ini demi keselamatan orang-orang yang lalu lintas di atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit sebanyak tentang gadis-gadis yang bekerja tinggal bersendirian di asrama atau rumah-rumah sewa yang jauh dari ibubapa mereka. Saya suka membawakan perkara ini ke perhatian Dewan kerana saya kira perkara ini juga akan menjejaskan nama baik negara jika dibiarkan berleluasa. Tidak seharusnya gadis-gadis bekerja di kilang sahaja yang perlu diperkatakan malah mereka yang lain yang tinggal jauh dari kampung-halaman asal merekapun perlu dititik-beratkan. Adalah tanggungjawab kita supaya gadis-gadis yang dipersoalkan ini tidak terdedah kepada pengaruh yang kurang sihat di bandar-bandar besar. Berhubung dengan perkara ini adalah difikirkan menafaat sekiranya gadis-gadis dari golongan ini diberikan pelajaran agama yang mungkin dapat disediakan oleh pihak-pihak majikan mereka. Pihak-pihak majikan juga kalau boleh mestilah menitik-beratkan tentang kegiatan-kegiatan gadis-gadis ini supaya tidak dijadikan mangsa oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Oleh sebab gadis-gadis seumpama ini pertama

kali berhijrah ke bandar dari kampung tanpa pengalaman hidup di bandar maka mudah bagi mereka diperdayakan. Dalam hubungan ini eloklah pihak majikan menyediakan seminar-seminar tertentu menerangkan keadaan yang boleh berlaku kepada mereka kiranya mereka tidak berhati-hati. Pernah kita terdengar berita bagaimana setengah daripada gadis yang hidup bersendirian seperti ini dicolek secara paksa ataupun secara tipu-helah menerusi pujuk-rayu. Misalnya menerusi pujuk-rayu seorang gadis mungkin sanggup menyerahkan dirinya bulat-bulat kepada seorang pemuda tanpa menyiasat latar belakangnya yang sebenar. Ada gadis-gadis yang terpicat kepada janji-janji hendak mendirikan rumahtangga telah dipaksa untuk melacurkan diri mereka. Hasil pelacuran itu, terpaksa pula diserahkan kepada pemuda pujaan mereka. Sudah sampai ke pengetahuan kita adanya lelaki-lelaki yang berniat serong itu untuk memikat mangsa-mangsanya berlagak sebagai gentleman atau pegawai. Suka juga saya membawa perhatian kita kepada berita yang mengesahkan bagaimana lima orang social escorts, kalau tidak salah, telah tidak kedengaran beritanya sesudah menemui dua orang yang telah menyamar diri sebagai pelancung yang bersopan-santun. Gadis-gadis tersebut telah dijanji untuk dibayar wang lumayan sesudah menemani mereka ke sebuah kapal di pelabuhan. Hingga hari ini nasib gadis-gadis ini masih belum diketahui. Sebelum perkara seperti ini berlaku terhadap gadis-gadis kita, eloklah kiranya kita sama-sama memikirkan kejadian ini agar dapat dihindarkan. Mereka yang bertanggungjawab di atas kesalahan seperti ini hendaklah diberikan hukuman yang seberat-beratnya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang Undang-undang cerai-berai pula, saya berpendapat lebih baik sebelum seorang isteri diceraikan oleh suaminya dengan tergesa-gesa diberi tempoh beberapa hari atau minggu kepada mereka untuk memikirkan soal tersebut. Mungkin sesudah beberapa hari mereka dapat memecahkan masalah mereka tanpa melangsungkan perceraian itu. Saya mencadangkan pihak yang bertanggungjawab mencari jalan yang sewajarnya untuk mengelakkan perceraian yang berleluasa hari ini di kalangan umat Islam. Walaupun dalam soal ini si suami hendak berhak menceraikan isterinya, tetapi demi keadilan hendaklah dikaji dan diselidik mengapa si

suami bertindak sedemikian rupa. Sebarang tindakan yang diambil dari segi ini dengan terburu-buru adalah dipengaruhi oleh perasaan hati dan emosi yang kurang waras ketika itu. Walaupun perbuatan cerai-berai dihalalkan dalam agama Islam tetapi ia sangat dimurkai oleh Allah subhanahu wa taala.

Sekian, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Silam belum membuat ucapan sulungnya.

3.45 ptg.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai (Silam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syukur kehadzrat Allah subhananu wa taala kerana diberikan peluang sebagai pertama kalinya saya dapat berdiri dan berucap di Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong Belanjawan negara tahun 1979 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita baharu-baharu ini. Saya mengucapkan juga terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya menyampaikan sedikit-sebanyak penghargaan dan harapan rakyat terutama di kawasan saya.

Saya menganggap Belanjawan yang tidak menaikkan cukai dan menurunkan cukai setengah barangan adalah meringankan dan melegakan rakyat dan ini membayangkan suatu Belanjawan terima kasih kepada rakyat terutama sekali kepada pengundi-pengundi Barisan Nasional.

Belanjawan ini berserta dengan pimpinan Kerajaan yang ikhlas, wajar dan penuh kesedaran di bawah pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pemimpin dapatlah dinikmati oleh rakyat di negara kita ini dan bagi setiap rakyat yang faham dan mengerti isi Belanjawan ini, saya percaya tidak ada pilihan lagi bagi mereka melainkan ber-setuju dan menyokong Belanjawan Kerajaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang terkandung dalam ucapan Belanjawan itu, kadar perkembangan ekonomi negara nampaknya membayangkan kemajuan dan mempunyai potensi perkembangan yang diharapkan oleh rakyat. Selain dari itu kita juga

berharap lawatan rombongan perdagangan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Negara-negara Eropah dan Amerika baru-baru ini dapat mewujudkan keyakinan dan sikap mahu berbaik-baik di kalangan negara-negara luar yang sudah maju dengan negara kita dan diharap mereka akan melabur modal secara besar-besaran dan membawa perusahaan-perusahaan kepada rakyat bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga ke Sabah dan Sarawak terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pelajaran, saya ingin memberi tahniah kepada Kerajaan kita kerana telah dapat menunjukkan kejayaan yang diperlukan dalam usaha melaksanakan Dasar Pelajaran di negara kita ini. Dasar Pelajaran kita sekarang tidak merugikan mana-mana rakyat yang ada dalam negara kita ini, baik bumiputra mahupun yang bukan bumiputra, baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah bertindak secara bijak dan teratur dan dasar-dasarnya telah dilaksanakan dengan sepenuhnya tanpa berselindung sedikitpun.

Keadaan dan kemajuan pelajaran yang ada di Sabah ketika ini perlu sangat diberikan perhatian berat. Anak-anak bumiputra kita, walaupun pada masa sekarang mereka ini lebih maju daripada yang sudah-sudah, tetapi kedudukan mereka dan jurang perbezaannya dengan anak-anak bukan bumi adalah sangat luas dan sangat jauh jaraknya. Umpamanya keputusan Peperiksaan SRP, MCE, SPM di Sabah khususnya pada tahun-tahun lalu sangatlah menyedihkan. Keputusan purata yang diperolehi dalam tahun-tahun yang lalu dalam dua jenis peperiksaan ini hanya mendapat kejayaan yang rendah, lebih kurang 30% sahaja. Dan dalam peratusan yang sangat rendah begini, lebih kurang satu pertiga sahaja anak-anak bumiputra. Dan dari bilangan yang sekecil ini, sebilangan besar dari anak-anak bumi yang lulus itu pula datang dari sekolah-sekolah dalam bandar dan yang lebihnya dari luar bandar. Jadi dari keputusan ini dapatlah kita tegaskan bahawa murid-murid bumi dari luar bandar sangat-sangatlah ketinggalan serta rugi dalam hal ini. Disebabkan keadaan beginilah, terdapat ramai sangat anak-anak bumi meninggalkan bangku sekolah pada umur 15 tahun ke bawah. Sebab-sebab yang diketahui

adalah berpunca dari kegagalan dalam pemeriksaan, kurang kemudahan, kemiskinan serta kedudukan sekolah yang berjauhan dengan tempat tinggal masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, jika kita biarkan perkara yang merugikan ini berlanjutan, murid-murid yang malang ini boleh nampaknya membawa kemunduran buat beberapa keturunan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya, dalam segi kemudahan yang saya maksudkan ini, izinkan saya nyatakan di sini, keadaan dan kedudukan pelajaran yang terdapat di daerah Semporna dalam kawasan saya, di suatu tempat bernama Bum Bum. Pulau Bum Bum dan pulau-pulau di sekitarnya yang sebenarnya mempunyai bilangan penduduk yang besar di daerah itu. Penghidupan mereka hanya tergantung atas hasil tangkapan ikan dan sedikit-sedikit pertanian sahaja. Mereka ini kebanyakannya miskin. Di pulau ini terdapat 6 buah sekolah rendah dan 4 buah lagi terletak di pulau-pulau berhampiran dengannya. Murid-murid bertambah dengan banyaknya tahun demi tahun. Apabila anak-anak ini tamat sekolah rendah, sebilangan besar dari mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran menengah di pekan Semporna disebabkan ketidakmampuan orang-orang tua mereka. Maka jaminan untuk murid-murid tersebut meneruskan pelajaran ke peringkat menengah adalah tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Silam juga, satu lagi tempat bernama Tunku dalam daerah Lahad Datu, keadaannya adalah lebih sukar daripada yang terdapat di Pulau Bum Bum ini. Tempat ini terpencil dan berjauhan daripada bandar Lahad Datu. Perhubungan dengannya adalah secara 5 jam dengan motorbot dan tiga jam mengikut jalan darat dari Lahad Datu, itupun jika cuaca baik. Jikalau hujan perjalanan darat tidaklah boleh digunakan samasekali. Di Tunku ini juga hanya terdapat beberapa buah sekolah rendah sahaja bagi menampung pelajaran anak-anak yang begitu ramai di sana. Apabila berakhirnya pengajian di sekolah-sekolah rendah, sedikit sahaja bilangan mereka yang dapat menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Lahad Datu disebabkan kurang mampu ibubapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua tempat ini memerlukan Sekolah Menengah untuk anak-anak yang memerlukan lanjutan pelajaran selepas tamat pelajaran rendah. Perkara ini jika dibiarkan akan membawa

masalah yang lebih besar lagi dari masa ke masa. Oleh yang demikian, saya merayu agar kiranya Kementerian Pelajaran mengkaji kemungkinan bagi mendirikan sekolah-sekolah menengah di kedua-dua tempat tersebut pada masa akan datang. Saya mohon juga kepada Kementerian Pelajaran agar mendirikan beberapa buah asrama di Bandar Semporna, dan Lahad Datu bagi menempatkan murid-murid dari kawasan luar bandar yang berhampiran dengan kedua-dua pekan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, kemudahan-kemudahan lain yang perlu bagi membantu anak-anak bumi kita di Sabah mendapatkan pelajaran yang baik dan melaksanakan mereka terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman ialah dengan membekalkan bilangan guru-guru dan ustaz-ustaz yang berkelulusan dan bertauliah dari Semenanjung dihantar mengajar ke Sabah dengan bilangan yang lebih ramai lagi. Murid-murid di Sabah seluruhnya sangat-sangat memerlukan pimpinan dan bimbingan yang sihat dan teratur bagi mengejar kemajuan pelajaran dalam zaman modern ini. Rumah-rumah guru juga perlu didirikan di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah kerana pada masa sekarang perumahan atau tempat tinggal untuk para guru merupakan masalah. Rumah-rumah yang boleh dikhaskan untuk guru terutama untuk guru-guru dari Semenanjung sangatlah terhad bilangannya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu sebab ialah kekurangan buku-buku teks. Buku-buku teks lambat dikiriskan ke negeri Sabah, terutama ke tempat-tempat luar bandar. Buku-buku ini pada lazimnya jarang sekali sampai tepat pada waktunya. Dan jika adapun bilangannya tidak mencukupi dan kekurangan-kekurangan bakinya pula akan sampai pada penghujung penggal dua sekolah-sekolah. Disebabkan keadaan begini ramai murid-murid di Sabah pergi ke sekolah tanpa dilengkapi dengan buku-buku teks yang cukup. Dengan itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan mencari jalan agar buku-buku teks dapat sampai ke kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah dengan lebih awal berserta dengan harga jualan yang berpatutan juga.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran yang saya maksudkan bukan hanya terbatas kepada pelajaran-pelajaran akademik sahaja. Satu

daripada punca datangnya kemajuan dan kesedaran yang sihat kepada anak-anak kita adalah juga disebabkan didikan agama dan pengetahuan agama. Jika anak-anak kita kurang dilengkapkan dengan didikan dan pengetahuan agama ia boleh merupakan puncanya daripada cabang-cabang penyakit negara yang besar di masa akan datang. Selayang pandang seperti apa yang kita perhatikan sekarang terdapat di tengah-tengah suasana hari ini di mana setiap individu mengejar nasib untuk menikmati erti kemerdekaan ditambah-tambah lagi dengan kesedaran keduniaan yang semakin meningkat, maka ternampaklah masyarakat kita berbuat apa saja untuk hidup bahkan lebih daripada itu, iaitu mengisi hati dan fikiran yang sentiasa gelisah dalam menyesuaikan diri dengan keadaan. Dalam kegelisahan mengejar kebendaan ini terdapat ramai masyarakat kita dari kedua-dua golongan samada muda atau tua dan tidak kira lelaki atau perempuan hilang pedoman kerohanian yang kukuh dalam menghadapi liku-liku hidup mereka itu.

Perbuatan-perbuatan maksiat, kejatuhan moral, ketagihan dadah dan juga kehilangan sopan-santun di kalangan masyarakat kita sebenarnya timbul dari rasa kegelisahan akibat suasana kehidupan sekelilingnya yang tidak boleh dirawat dengan kebendaan atau kepintaran doktor atau bomoh. Tetapi rawatan yang paling mujarab ialah bimbingan rohani dari segi agama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak memadai bagi Kerajaan mengadakan undang-undang untuk menghukum mereka yang telah bersalah semata-mata, paling penting bukan hukuman tetapi ialah bimbingan awal. Kerajaan kita adalah terlibat secara langsung dalam pentadbiran Ugama Islam di negara kita ini. Maka dengan itu saya mencadangkan supaya Kerajaan membuat satu kajian yang lebih menyeluruh memperbaiki pentadbiran Ugama Islam dengan cara bimbingan kerohanian secara lebih menyeluruh dan lebih berkesan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, ibubapa adalah orang yang paling sibuk di rumah dan tidak ramai daripada mereka yang dapat menggunakan masa bagi membimbing anak-anak mereka dalam agama. Maka dengan itu Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Majlis-majlis Ugama Islam patut mengkaji semula cara-cara penyampaian pendidikan bukan semata-mata menyesuaikan penuntut-penuntut dengan perkembangan sains dan

teknologi tetapi harus disesuaikan juga dengan nilai-nilai kerohanian yang semakin terancam akibat ketamadunan zaman sains dan teknologi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyentuh sedikit sebanyak tentang kesihatan. Buat masa ini di kawasan Silam, kawasan yang saya wakili ini, ada mempunyai rumah-rumah sakit seperti di daerah Semporna, daerah Lahad Datu dan daerah kecil Kunak. Rakyat bangga dengan adanya kemudahan-kemudahan perubatan ini kerana mereka nampaknya menggunakan kemudahan-kemudahan ini dengan sepenuhnya. Kemudahan-kemudahan perubatan lain seperti doktor persendirian serta klinik-klinik kecil dan sebagainya di kedua-dua daerah Semporna dan Kunak ini belum ada lagi. Kemudahan bagi rakyat hendak mendapatkan rawatan yang lebih luas, umpamanya ke bandar Tawau dan Lahad Datu adalah luar dari keupayaan mereka disebabkan kedudukan yang sangat berjauhan di antara kedua-dua tempat ini. Kemudahan rawatan yang diperolehi sekarang dari jasa baik Yayasan Sabah dan sebulan sekali bagi kawasan-kawasan yang terpencil sahaja dan kadang-kadang oleh kerana cuaca buruk maka tergendala perjalanan perubatan ini. Kemudahan-kemudahan yang ada sekarang di kedua-dua daerah ini tidaklah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, di bandar Semporna umpamanya bilangan penduduk sudah meningkat ke angka 70,000. Untuk memberi rawatan kepada penduduk seramai 70,000 orang ini, ia hanya pada masa sekarang mempunyai seorang doktor sahaja dan beberapa orang kakitangan di bawahnya. Kita sangat bersimpati kepada pesakit-pesakit serta juga doktor-doktor yang berkhidmat di situ kerana bila berlaku kecemasan dan kemalangan di sana-sini, maka sulitlah baginya menjalankan tugas dengan teratur dengan sepenuhnya. Dengan keadaan begini kerap kali juga berlaku kematian ke atas pesakit-pesakit yang teruk kerana terlambat mendapat rawatan. Tuan Yang di-Pertua, sunguhpun ajal di tangan Allah tetapi adalah harus bagi Kerajaan menyediakan kemudahan rawatan dengan seboleh-bolehnya.

Saya difahamkan di daerah Semporna sebuah rumah kediaman bagi seorang doktor telah dibangunkan dalam dua tahun dahulu tetapi doktronya sehingga sekarang ini belum sampai lagi. Perkara ini telah dibangkitkan

juga oleh rakan-rakan saya yang terdahulu tetapi keadaan-keadaan ini masih belum berubah.

Sebab itu saya membawa perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, begitu juga keadaan rumah sakit di daerah kecil Kunak. Semenjak merdeka ia hanya dikelolakan oleh seorang Pembantu Rumah Sakit sahaja dan beberapa orang kakitangan di bawahnya bagi merawat lebih kurang 10,000 orang penduduk. Kematian sentiasa berlaku dalam perjalanan membawa pesakit-pesakit yang teruk ke Hospital-hospital Tawau dan Lahad Datu yang jauh itu.

Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan kesihatan dan rakyat di sana, saya merayu kepada Kementerian berkenaan agar memberikan perhatian yang lebih berat dan serius lagi bagi mengatasi masalah yang mendukacitakan rakyat ini. Kedua-dua hospital di Semporna dan Kunak perlu ditambahkan dengan beberapa orang doktor lagi berserta dengan tambahan kakitangan yang berpengalaman dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang keselamatan di Sabah saya ingin menyampaikan penghargaan rakyat kepada Kerajaan yang telah mengawal keselamatan di negeri itu khususnya di pantai-pantai timur Sabah seperti Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu sampailah ke Sandakan dan Kudat. Kawalan keselamatan yang ada sekarang yang dianggotai oleh Pasukan Tentera dan Polis adalah berkesan dan teratur. Hanya apa yang diperlukan untuk memperkemas lagi kawalan keselamatan terutama di kawasan yang amat terdedah seperti di kawasan Silam sekarang adalah tambahan alat-alat ronda seperti tambahan bilangan motobot-motobot laju, senjata-senjata moden yang cukup bilangannya serta anggota kawalan yang lebih ramai lagi. Keperluan ini adalah difikirkan mustahak untuk kawalan di daerah Semporna dan Lahad Datu ini kerana perompak-perompak atau lanun-lanun sentiasa membuat pencerobohan yang datang dari luar lautan Malaysia. Mereka ini bukanlah warga negara kita. Mereka memakai bot-bot laju dan senjata-senjata yang moden. Mangsa-mangsa rompak seperti kaum-kaum nelawan tidak dapat membuat apa-apa bagi mempertahankan diri dan kerap kali pula mereka dimangsakan oleh perompak-perompak yang ganas itu. Saya khuatir ada kalanya juga rompak dan

pencerobohan yang sedemikian rupa membawa masuk berbagai-bagai anasir jahat yang tidak diingini. Dengan demikian demi kepentingan keselamatan rakyat dan negara kita, saya menyeru Kerajaan agar menganggap perkara ini sebagai berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini dengan amanah dari pengundi-pengundi di kawasan saya yang sebahagian besarnya terdiri dari nelayan-nelayan. Mereka ini miskin dan sempit penghidupannya. Memandangkan kepada kesusahan dan kesulitan mereka itu, saya merayu agar Kerajaan dapat memainkan peranan memperbaiki taraf hidup nelayan-nelayan di Sabah terutama di pantai timur Sabah. Badan-badan Berkanun Kerajaan seperti MAJUIKAN yang terdapat di negara kita ini telahpun membawa berbagai-bagai perubahan dan kemajuan kepada nelayan-nelayan di sebelah sini. Saya berharap Kerajaan akan memikirkan dengan sedalam-dalamnya agar aktiviti dan peranan MAJUIKAN dapat diperluaskan ke negeri Sabah untuk kebaikan dan kepentingan nelayan-nelayan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyampaikan penghargaan dan perasaan terima kasih rakyat terutama pekebun-pekebun sawit di kawasan saya terhadap penurunan 30% cukai pengeluaran kelapa sawit yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini. Keputusan ini dapat meringankan serta melegakan pengusaha-pengusaha dan penanam-penanam kelapa sawit di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu agar Kerajaan mengkaji bagi mendirikan kilang kelapa sawit terutama di daerah Semporna yang mempunyai kawasan sawit yang luas pada masa akan datang. Pada masa sekarang ini adalah sukar dan sulit bagi penanam-penanam sawit menjual hasil-hasil penjualan mereka ke Tawau yang letaknya lebih kurang 75 batu daripada Semporna. Cara ini memakan masa yang panjang serta memerlukan belanja yang banyak. Ini memang merugikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita berharap untuk faedah negara minyak kelapa sawit kita akan dapat diperlindungi harganya dan mendapat pasaran yang lebih luas lagi di luar negara terutama di Eropah, Jepun dan Asia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

4.08 ptg.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bersama-sama dengan rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang telah membentangkan Belanjawan dan juga Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 pada 20hb Oktober, 1978 yang lalu. Saya berdiri bagi menyokong Rang Undang-undang tersebut yang saya anggap merupakan sebagai satu manifestasi dari dasar kewangan dan fiskal Kerajaan yang sihat.

Kita berasa lega oleh sebab melalui Belanjawan yang telah diumumkan itu, kita juga dimaklumkan bahawa ekonomi negara kita pada tahun 1979 akan terus berkembang di atas kadar 7.2%. Demikian juga kita berasa sukacita melalui Belanjawan yang telahpun diumumkan bahawa kadar inflasi negara kita akan terus dapat distabilkan di atas kadar 5% bagi tahun 1979.

Saya percaya kedudukan inflasi di negara ini akan terus dapat dipertahankan bahkan dengan adanya dasar kewangan dan juga fiscal policy yang begitu sihat maka kedudukan inflasi ini akan terus dapat dikurangkan. Bahkan saya difahamkan bahawa kadar 5% inflasi yang ada di dalam negara kita ini merupakan satu kadar yang terendah kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan juga pegawai-pegawai di Kementeriannya yang telah dapat merangka satu belanjawan dengan menggunakan Sistem Pelaksanaan Program dan Performance Budgetting yang saya anggap satu sistem merangka budget ataupun belanjawan yang sekarang ini telahpun ditimbal (adopt) di kebanyakan negara-negara yang maju di dalam dunia ini. Kita berharap melalui Programme dan Performance Budgetting System ini maka Kerajaan akan dapat merancang serta menyusun dengan lebih rapi lagi cara-cara membentangkan perbelanjaan dan juga akan dapat melalui PBBS ini satu

sistem belanjawan yang lebih rapi dan tersusun supaya segala apa yang kita hasratkan dan dihajati oleh Kerajaan untuk mencapai cita-cita rakyat dapat dilaksanakan melalui sistem tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang telahpun dibentangkan di dalam Dewan ini semasa Belanjawan itu dibentangkan pada 20hb Oktober, 1978 yang lalu ialah tentang adanya sistem Management Odit ataupun Odit Pengurusan yang akan dijalankan di semua agensi-agensi Kerajaan dan juga di sebahagian daripada Jabatan-jabatan Kerajaan.

Saya percaya sistem Management Odit ini adalah satu sistem yang baik yang harus dapat dilaksanakan di semua peringkat dan bukan sahaja dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bahkan juga oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Kita percaya dengan sistem Kerajaan dan juga pentadbiran yang begitu kompleks dan besar sekarang ini satu sistem ataupun cara pengawalan dan pengurusan kewangan yang rapi adalah penting diwujudkan supaya wang dan juga perbelanjaan yang telahpun diperuntukkan bagi tiap-tiap Jabatan Kerajaan itu akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Berhubung dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh satu aspek dari segi jentera pentadbiran Kerajaan. Kita ketahui dan kita faham bahawa kejayaan dasar dan pelaksanaan jentera Kerajaan adalah bergantung kepada sistem pentadbiran di peringkat grass-roots. Di dalam hal ini saya sukacita mengetahui bahawa tindakan-tindakan sudah diambil oleh pihak Kerajaan samada di peringkat negeri mahupun pusat untuk menyusun semula jentera-jentera Kerajaan di peringkat daerah, mukim dan juga di peringkat kampung-kampung.

Satu segi yang ingin saya sentuh di sini ialah tentang peranan yang dapat dimainkan oleh jentera-jentera Kerajaan di peringkat grass-roots terutama dari segi mukim-mukim council dan juga jawatankuasa-jawatankuasa kampung.

Dalam hal ini jawatan-jawatan Penghulu dan juga jawatan Ketua Kampung merudakan jawatan yang pucuk dan juga yang terpenting di peringkat daerah dan mukim. Dan di dalam hal ini kita berharap supaya pihak Kerajaan akan mengambil pertimbangan

yang berat serta mengkaji semula jawatan-jawatan ini selaras dengan perkembangan jentera Kerajaan yang moden pada hari ini.

Saya juga ingin menyentuh supaya kedudukan Penghulu-penghulu di peringkat mukim di seluruh negara ini dikaji khususnya dari segi perjawatan mereka, dari segi gaji yang mereka terima dan juga peranan-peranan yang telah dan akan mereka mainkan untuk melaksanakan pentadbiran Kerajaan di peringkat mukim dan juga kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama dengan rakyat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan di atas pengumuman penurunan cukai yang baru-baru ini telahpun dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Kita anggap bahawa budget ataupun belanjawan bagi tahun 1979 ini satu belanjawan yang lembut dan juga yang manis oleh sebab kekurangan ataupun penurunan cukai-cukai yang telah dibuat bagi buah-buahan, alat-alat solek, talivisyen dan sebagainya.

Saya juga menyambut baik segala usaha yang telahpun dibuat oleh pihak Kerajaan bagi menguatkuasakan undang-undang bagi menentukan bahawa harga barang-barang akan diturunkan mengikut penurunan cukai yang telahpun diumumkan. Ini adalah satu tindakan yang sewajarnya dan kita berharap bahawa bukan sahaja tindakan ini dijalankan di peringkat bandar-bandar dan juga di peringkat kota bahkan penguatkuasaan (enforcement) undang-undang ini akan terus diperluaskan di peringkat bandar-bandar kecil dan juga di kawasan-kawasan luar bandar.

Di dalam hal ini saya suka mencadangkan supaya sekiranya dari segi penguatkuasaan ini terdapat kekurangan kakitangan yang tidak dapat dilaksanakan di peringkat-kawasan-kawasan bandar kecil dan juga di peringkat kawasan-kawasan luarbandar maka pihak Kerajaan hendaklah memikirkan bagi mendeligitakan atau memberi sebahagian daripada kuasa pengawalan dan penguatkuasaan itu kepada pegawai-pegawai khususnya Penghulu dan pegawai-pegawai di peringkat daerah daripada Kementerian yang berkenaan untuk menentukan bahawa harga barang-barang khususnya barang-barang perlu dan juga barang-barang yang telahpun diturunkan cukai itu akan dapat dikawal sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu saya telah menekankan bahawa sektor pertanian telah dan akan menjadi satu sektor yang terpenting di dalam negara kita. Kita ketahui bahawa sektor pertanian telah mengeluarkan lebih daripada 60% daripada Keluaran Negara Kasar dan oleh sebab itu satu tumpuan yang lebih mendalam hendaklah diberikan dan hendaklah sentiasa diberikan bagi menentukan bahawa sektor pertanian ini bukan hanya menjadi satu sektor yang menampung pekerjaan sejumlah besar rakyat negara kita ini bahkan satu sektor yang tidak lagi dianggap sebagai sektor yang mana sebahagian besar rakyat kita yang miskin tinggal.

Di dalam hal ini kita merasa musykil sedikit sebab walaupun diumumkan beberapa perkara berkaitan dengan penurunan cukai baru-baru ini tetapi tidak ada pengumuman yang khusus dibuat yang menumpu kepada sektor pertanian khususnya bagi memberikan galakan-galakan yang lebih kepada pekebun-pekebun kecil dan juga kepada sektor pertanian pada umumnya.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah selama 21 tahun negara kita sudah mencapai kemerdekaan kita belum dapat mengkaji dan menilai sejauh mana segala rancangan-rancangan yang telah kita jalankan telah dapat mengubah kualiti dan juga nilai hidup masyarakat di negara kita.

Kita ketahui bahawa sehingga ini ber-puluh-puluh billion ringgit telahpun dicurahkan bukan sahaja di dalam kawasan-kawasan luarbandar bahkan juga di kawasan-kawasan bandar tetapi tidak ada satu sistem ukuran untuk menentukan sejauh mana masyarakat kita telah berubah sikap daripada keadaan yang mundur sebagaimana yang dahulunya kepada keadaan yang lebih maju dengan sebab pembangunan yang pesat dijalankan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian saya ingin mencadangkan di dalam kajian semula setengah penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang, Kerajaan hendaklah membuat satu perhatian yang lebih positif dan juga mengadakan insentif-insentif yang lebih bagi mengadakan program dan juga menyusun strategi once and for all, bagi melepaskan sektor pertanian ini dari belenggu kemiskinan (vicious circle of poverty).

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa sukacita dengan sebab Belanjawan bagi tahun 1979 telahpun dibentangkan dengan menekankan aspek pendapatan sebenar (real income) tidak kepada pendapatan kewangan (monetary income) semata-mata. Sebab itulah saya percaya satu daripada sebabnya mengapa kadar personal income tax tidak diubah banyak sangat. Saya percaya ini adalah satu tindakan yang wajar, satu program yang lebih positif bagi mengelakkan masalah inflasi yang mungkin akan bertambah sekiranya tindakan tidak dibuat bagi menentukan dan menekankan aspek pendapatan sebenar daripada monetary income. Saya percaya dengan tindakan ini maka pertumbuhan ekonomi negara akan bertambah pesat lagi dan juga pengalihan pendapatan yang lebih adil dalam konteks harga yang lebih stabil akan dapat dilaksanakan. Di dalam hal ini ada beberapa perkara yang saya ingin cadangkan di sini.

Pertama, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa tindakan-tindakan yang Kerajaan sudah lancarkan dari segi hendak menurunkan cukai dan juga menekankan aspek pendapatan sebenar tidak akan dapat dijayakan melainkan seluruh rakyat melibatkan diri mereka dan juga menyedari hakikat yang sebenarnya bahawa mereka akan sentiasa ditindas oleh golongan-golongan yang akan mengambil kesempatan khususnya daripada peniaga-peniaga. Oleh hal yang demikian kita berharap gerakan pengguna (consumers association) ini akan dapat diperluaskan dan diharapkan persatuan-persatuan pengguna akan dapat ditubuhkan dengan anjuran Kerajaan di peringkat Negeri dan juga daerah-daerah di seluruh negara kita. Saya percaya melalui gerakan pengguna ini yang meluas maka rakyat akan lebih sedar akan tugas dan peranan mereka dan juga akan berusaha sebagai satu kumpulan yang besar bagi mengelakkan daripada mereka ini ditindas oleh golongan-golongan yang akan mengambil kesempatan dari perubahan-perubahan harga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong cadangan yang telah dibuat bagi meminda atau menurunkan kredit cukai 50% mengikut apa yang telah diperuntukkan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968. Kita percaya dengan penurunan had kredit cukai ini kepada 50% maka kadar dan daya pengeluaran makanan negara kita akan bertambah dan dengan sebab itu saya ingin mencadangkan untuk lebih berkesan lagi

supaya Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang melibatkan diri di dalam segi pengeluaran bahan-bahan makanan ini hendaklah diperkemaskan lagi dan juga hendaklah melicinkan jentera pentadbirannya bagi memberikan khidmat nasihat dan bantuan yang lebih kepada petani-petani khususnya yang tinggal di luarbandar.

Seperkara lagi yang saya ingin tekankan di sini bahawa segala program-program yang dilancarkan oleh agensi dan Jabatan Kerjaan untuk menuju kepada matlamat menambahkan daya pengeluaran makanan negara tidak mungkin akan dapat tercapai sekiranya institusi-institusi kewangan tidak dapat bekerjasama dengan pihak sektor swasta bagi memberikan kemudahan-kemudahan kewangan dan juga bantuan-bantuan financial yang integrated. Oleh sebab itu, kita berharap dan kita menyeru kepada pihak-pihak bank-bank perdagangan dan juga bank-bank pertanian untuk meningkatkan lagi usaha dan juga tunjukajar mereka kepada petani-petani dan memberikan syarat-syarat yang tidak begitu ketat bahkan yang mudah supaya golongan-golongan petani khususnya dan juga golongan-golongan yang menceburkan diri bagi menambahkan daya pengeluaran makanan negara ini akan mendapat nikmat daripada kadar penurunan kadar kredit cukai 50% yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga yang telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda beberapa hari yang lalu yang menyentuh tentang begitu tingginya kadar duti eksport yang dikenakan kepada pekebun-pekebun kecil getah. Saya percaya apa yang telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda itu adalah satu kenyataan yang harus diambil perhatian yang berat sebab selama ini kita sedar bahawa khususnya dari segi pekebun-pekebun kecil getah mereka ini merupakan golongan yang mengeluarkan 56% daripada jumlah pengeluaran getah negara dan golongan ini juga melibatkan sejumlah lebih kurang 2.5 million penduduk negara ini. Jadi dalam hal ini adalah wajar dan adalah satu perkara yang harus dipertimbangkan supaya duti eksport yang telahpun dikenakan kepada pekebun-pekebun kecil dan juga cukai-cukai yang telahpun dikenakan kepada mereka ini dikaji semula dan seharusnya diturunkan pada kadar yang lebih menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus diambil perhatian yang berat dari pihak pekebun-pekebun kecil sekarang ini

ialah tentang usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai lagi pekebun-pekebun kecil kita menerima dan juga menanam koko sebagai tanaman selingan. Sehingga ini kita ketahui hanya estet-estet dan ladang-ladang swasta sahaja yang telahpun berusaha mengikut cara-cara yang sistematik untuk memperluaskan tanaman koko ini di seluruh negara. Dengan ini saya berharap dan saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya sekiranya dibuat kajian bahawa tanaman koko ini merupakan tanaman yang akan mendatangkan faedah yang lebih dari segi menambahkan pendapatan petani-petani dan pekebun-pekebun kecil maka usaha yang lebih gigih hendaklah dijalankan supaya pekebun-pekebun kecil juga diberi peluang untuk menanam koko sebagai tanaman selingan. Saya percaya sudahlah sampai masanya sekarang ini pihak Kerajaan memikirkan dan saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya menubuhkan satu Lembaga Kemajuan Koko Negara sebagaimana juga Lembaga-lembaga Kemajuan Pertanian yang lain supaya dengan perubahan Lembaga ini satu rancangan yang lebih konkrit, satu program yang lebih rapi dan strategi yang lebih bermakna akan dapat disusun supaya perusahaan koko ini akan dapat meluas di seluruh negara.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah dapat memainkan peranan utama di dalam Persatuan Pengeluar-pengeluar Getah Asli (ANRPC) yang telahpun dapat mengadakan setok penimbal dan juga berjaya bagi menstabilkan harga getah di negara ini. Kita berharap sebagaimana yang telahpun disuarakan oleh penasihat ekonomi Kerajaan kita, Yang Berbahagia Tun Tan Siew Sin supaya ANRPC ini akan dapat memainkan peranannya sebagaimana yang dimainkan oleh OPEC dari segi menentukan harga minyak. Jadi dengan pengembelian tenaga dari pengeluar-pengeluar getah khususnya di rantau ASEAN ini maka saya berharap dan berdoa semoga Kerajaan kita akan dapat menentukan bahawa badan ini khususnya Persatuan Pengeluar-pengeluar Getah Asli ini akan dapat diperluaskan lagi dan juga akan dapat memainkan peranan bagi menentukan bahawa harga getah ini akan distabilkan setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan yang telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini telahpun disebutkan di dalam Laporan Ekonomi sebagai sampingannya yang mengatakan bahawa perkembangan industri pembinaan adalah dijangkakan lembab di dalam tahun 1979. Kita berasa musykil sebab walaupun jangkaan ini telahpun dibuat tetapi tidak ada satu galakan samada dari segi cukai atau apa pun insentif dari segi kewangan di dalam Belanjawan tersebut bagi memberikan nafas yang baru supaya industri pembinaan ini akan dapat berkembang dengan pesat.

Saya menimbulkan kemusykilan ini oleh sebab saya berasa kluatir sebagaimana yang kita ketahui di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, matlamat Kerajaan ialah untuk mengadakan tidak kurang daripada 482,000 unit rumah di seluruh negara. Oleh sebab itu, sekiranya dijangkakan bahawa bagi tahun 1979 industri pembinaan ini akan tidak dapat berkembang bahkan akan berkembang dengan lambat maka adalah diharapkan satu insentif yang lebih hendaklah diberikan kepada industri ini supaya mereka yang terlibat samada dari segi pemaju-pemaju perumahan, juga pihak kontraktor-kontraktor perumahan akan dapat diberikan galakan supaya matlamat Kerajaan mengadakan rumah bagi tiap-tiap keluarga itu akan dapat tercapai.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan pertamanya, sebagaimana yang kita maklum kerap kali dibangkitkan soal kekurangan bekalan bahan-bahan binaan dan inilah satu daripada faktor yang menyebabkan kebanyakan daripada projek-projek perumahan samada projek itu dianjurkan oleh pihak swasta mahupun oleh perbadanan-perbadanan awam tidak dapat dijalankan dengan jayanya dengan sebab kekurangan alat-alat ataupun kekurangan bahan-bahan perlu untuk membina rumah-rumah. Di dalam hal ini belum ada lagi satu badan yang tertentu yang telahpun ditubuhkan samada oleh pihak Kerajaan mahupun oleh pihak swasta bagi mengkaji setakat mana keperluan pengeluar-pengeluar tempatan untuk menampung keperluan negara. Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya satu Jawatankuasa Petugas hendaklah dibentuk bagi mengkaji keperluan dan juga bekalan bahan-bahan binaan di seluruh negara dan setakat mana

bahan-bahan tersebut mencukupi dengan permintaan yang ada dan juga Jawatankuasa ini hendaklah memperakukan insentif-insentif, galakan-galakan dari segala segi supaya pemaju-pemaju perumahan akan dapat menggiatkan lagi usaha mereka bagi mencapai matlamat perumahan negara. Jawatankuasa ini juga boleh memperakukan sistem-sistem galakan dan juga memperakukan pelepasan cukai yang boleh dibuat khususnya dari segi cukai impot atas barang-barang dan bahan-bahan binaan. Dengan cara ini adalah diharapkan bahawa kos-kos pembinaan akan dapat dikurangkan dan dengan itu rakyat akan dapat lebih mudah lagi membeli rumah-rumah dengan harga yang lebih murah.

Kita juga menyambut baik, Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya Kerajaan Negeri menubuhkan yunit-yunit perumahan di peringkat negeri bahkan saya fikir adalah lebih sesuai lagi supaya bukannya yunit perumahan ditubuhkan bahkan satu Lembaga Kemajuan Perumahan Negeri (State Housing Development Board) ditubuhkan sebab soal melaksanakan rancangan-rancangan perumahan di seluruh negara tidak boleh diberi tugas kepada satu yunit sahaja bahkan adalah lebih sesuai peranan tersebut diserahkan kepada satu agensi ataupun satu lembaga yang dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan lagi.

Kita rasa sukacita oleh sebab khususnya di negeri Johor ura-ura ini telah lama diadakan dan saya percaya sudahpun ditubuhkan State Housing Development Board tetapi masalah pokok ialah masalah kewangan dan kita berasa sukacita oleh sebab di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang lalu telahpun ditekankan bahawa peruntukan kewangan akan diberikan kepada yunit-yunit perumahan ataupun lembaga-lembaga perumahan ini untuk dilaksanakan di peringkat negeri-negeri. Saya hanya berharap bahawa sekiranya wang ini disalurkan kepada peringkat negeri maka peranan State Housing Development Board ini hendaklah dikhususkan kepada menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan bagi peringkat kos-kos rendah.

Yang keduanya, supaya tidak ada soal pertindihan (duplication) peranan di antara sesuatu agensi Kerajaan yang telahpun ditugaskan bagi melaksanakan rancangan-rancangan perumahan. Kita ketahui khususnya di peringkat negeri-negeri Lembaga ataupun

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri juga diberikan tugas yang sama dari segi menyediakan peluang-peluang perumahan untuk rakyat dan juga selain daripada itu saya percaya satu daripada peranan UDA ialah untuk mengadakan peluang-peluang perumahan. Apa yang saya ketahui bahawa peringkat Kerajaan Pusat juga menggalakkan supaya satu anak syarikat yang disebut PERUDA hendaklah ditubuhkan di peringkat negeri-negeri bagi melaksanakan rancangan-rancangan pembinaan perumahan dan sebagainya.

Di dalam hal ini sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi satu penekanan dan satu garis panduan hendaklah ditentukan supaya agensi-agensi dan yunit-yunit ataupun badan-badan yang telahpun ditubuhkan itu tidak bertindih dari segi peranan dan juga tanggungjawab mereka. State Housing Development Board yang dicadangkan itu hendaklah, pertamanya mempunyai kakitangan yang cukup. Kita ketahui banyak daripada agensi-agensi Kerajaan tidak dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan dengan sebab kekurangan kakitangan-kakitangan yang mahir. Maka dengan sebab itu saya percaya sekiranya State Housing Development Board ini ditubuhkan di peringkat negeri-negeri soal yang pertama ialah soal mengadakan seberapa banyak pegawai-pegawai yang terlatih untuk mengelolakan lembaga-lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan kepada Dewan yang mulia ini satu perkara yang selalu dibangkitkan di kalangan kaum bumiputra, iaitu soal sungutan-sungutan yang timbul daripada pihak pemborong-pemborong bumiputra dalam soal kerja-kerja yang mereka laksanakan. Kita percaya pemborong-pemborong bumiputra adalah semakin lama semakin penting dengan sebab mereka ini bersama-sama dengan pihak swasta yang lain dan juga dengan pihak agensi-agensi Kerajaan bersama-sama dapat memainkan peranan untuk menjayakan segala projek-projek pembangunan Kerajaan. Dengan hal ini sekarang ini selalu sahaja ditimbulkan sungutan dan juga rintihan daripada pihak pemborong-pemborong berkaitan dengan pembayaran-pembayaran di atas kerja-kerja yang mereka telah laksanakan, di atas kekurangan bekalan-bekalan, di atas adanya kerjasama daripada pihak institusi kewangan dan bank-bank perdagangan bagi mengadakan peluang-peluang kewangan

kepada mereka maka saya percaya sudahlah sampai masanya sekarang ini Kerajaan memandang berat di atas rintihan dan sungutan yang timbul daripada pihak pemborong-pemborong bumiputra khasnya.

Di dalam hal ini kita juga harus mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak Kerajaan yang telah banyak memberikan bantuan dan pertolongan kepada pemborong-pemborong bumiputra. Kita tidak nafikan bahawa ada di kalangan mereka yang sudah menyeleweng dan tidak dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka tetapi di dalam hal ini untuk mengatasi masalah mereka pada jangka panjangnya saya ingin mengemukakan beberapa perkara dan juga syor supaya dapat diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Yang pertamanya kita berharap dengan anjuran Kerajaan dan juga dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia maka satu konsortium ataupun satu pertubuhan pemborong-pemborong bumiputra peringkat negara hendaklah ditubuhkan segera. Kita ketahui bahawa ura-ura ini bukan baru ini disuarakan bahkan sudah lama disuarakan tetapi sehingga ini belum ada satu tanda yang tegas yang sudah diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk menjayakan penubuhan konsortium ataupun persatuan pemborong-pemborong bumiputra di peringkat kebangsaan, bahkan usaha-usaha yang pertama hendaklah dijalankan dengan anjuran Kerajaan dan juga oleh dewan-dewan perniagaan peringkat negeri supaya persatuan-persatuan pemborong-pemborong bumiputra di peringkat-peringkat negeri hendaklah juga ditubuhkan dahulu.

Perkara kedua yang saya ingin cadangkan dalam hal pemborong-pemborong Bumiputra ini ialah supaya satu yunit khas hendaklah juga dibentuk di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, khususnya di Bahagian Penyertaan Bumiputra untuk menentukan supaya segala rancangan-rancangan dan program-program dapat disusun dengan lebih rapi supaya apa yang kita hasratkan dari segi kejayaan Bumiputra dalam bidang pemborongan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Perkara ketiga yang selalu juga ditimbulkan ialah soal kekurangan tenaga-tenaga mahir dan juga separuh mahir dalam industri pembinaan khususnya dari segi pihak kaum

Bumiputra. Oleh yang demikian, perkara ketiga saya ingin mencadangkan supaya sebuah Instituti Latihan Industri Pembinaan hendaklah ditubuhkan oleh Kerajaan yang bertujuan untuk memberikan latihan-latihan kemahiran dan juga separuh kemahiran kepada bakal-bakal pembina dan juga pemborong-pemborong Bumiputra dan saya berharap melalui Instituti Latihan Industri Pembinaan ini akan lebih banyak lagi pekerja-pekerja mahir dapat dikeluarkan di dalam sektor industri pembinaan.

Keempatnya, perkara yang selalu sahaja dibangkitkan oleh pemborong-pemborong Bumiputra ialah soal kewangan. Kita ketahui setakat ini bank-bank perdagangan telahpun memainkan peranan mereka bagi mengadakan kemudahan-kemudahan kewangan samada dalam bentuk pinjaman ataupun sebagainya bagi mengurangkan bebanan kekurangan modal yang masih lagi berlaku di kalangan pemborong-pemborong Bumiputra dan saya juga faham di bank-bank perdagangan sudahpun ada satu skim, mungkin sekim yang disebut sekim A, B, C dan sebagainya yang telahpun diadakan di bank-bank perdagangan, tetapi kita merasa dukacita sebab masih lagi ada bank-bank perdagangan yang masih belum dapat memberikan bantuan yang sepenuhnya kepada pemborong-pemborong Bumiputra. Mungkin ada sebab-sebabnya yang tertentu mengapa permohonan-permohonan daripada pemborong Bumiputra ini tidak dapat diluluskan, tetapi kita berharap supaya institusi kewangan dan juga bank-bank perdagangan akan dapat memikirkan matlamat negara pada jangka panjangnya iaitu mereka hendaklah mengadakan satu sekim yang lebih mudah kepada pemborong-pemborong Bumiputra untuk mendapatkan pinjaman kewangan dan sebagainya.

Saya juga ingin mencadangkan khususnya berkenaan dengan kewangan ini supaya Kementerian Kewangan memikirkan satu rancangan bagi mengadakan tabung pusingan (revolving fund) untuk memberikan kemudahan-kemudahan pinjaman kepada pemborong-pemborong Bumiputra pada jangka pendek sebab kita ketahui sebahagian besar daripada pemborong Bumiputra ini menghadapi masalah tidak mempunyai wang ataupun masalah kecairan ataupun wang tunai dalam segi menjalankan kerja-kerja mereka. Dengan adanya tabung pusingan (revolving

fund) untuk memberikan kemudahan kewangan jangka pendek ini, maka pihak pemborong-pemborong Bumiputra ini dapat diringankan sedikit bebanan mereka dari segi wang-wang pinjaman dan sebagainya.

Kelimitya untuk mengatasi masalah pemborong-pemborong Bumiputra dari segi soal bekalan bahan-bahan binaan. Ini selalu juga diperkatakan bukan sahaja oleh pemborong-pemborong, bahkan oleh banyak pembina-pembina rumah swasta tentang masalah kekurangan bahan-bahan bekalan, bahan-bahan binaan yang dengan sebab itu telah mengendalakan matlamat pencapaian pembinaan rumah di seluruh negara. Gejala ini saya percaya haruslah disekat daripada berkembang dan untuk tujuan ini kita haruslah memikirkan, pertamanya supaya agensi-agensi Kerajaan yang ditugaskan dari segi mengadakan kemudahan dan juga bahan-bahan binaan ini menyusun semula kedudukan mereka ataupun melicinkan jentera pentadbiran mereka dan yang keduanya, Kerajaan hendaklah memikirkan supaya mengadakan wang dan juga modal pusingan yang secukup-cukupnya kepada syarikat-syarikat dan agensi-agensi Kerajaan ini untuk memberikan peluang kepada mereka, memberikan kemudahan bekalan bahan-bahan binaan kepada pemborong-pemborong Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sentuh di sini ialah tentang masalah kekurangan pegawai dan kakitangan Kerajaan sebagaimana yang telahpun disuarakan oleh beberapa orang Menteri kita baru-baru ini dan juga perkara ini telahpun dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini yang telahpun diterangkan beberapa hari yang lalu, maka saya ingin mencadangkan supaya sekiranya boleh dikemukakan pada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam samada di peringkat Negeri mahupun di peringkat Persekutuan supaya menyerahkan sebahagian daripada kuasa memilih dan melantik yang ada pada Suruhanjaya ini kepada, pertamanya Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Kuasa-kuasa Tempatan untuk memungkinkan pengambilan kakitangan-kakitangan di peringkat bawahan dan sebagainya. Kita ketahui sebahagian daripada kelambatan pengambilan kakitangan samada di bidang Kerajaan dan sebagainya ataupun Kuasa-kuasa Tempatan ialah oleh sebab terlalu lamanya masa diambil bagi menyelesaikan satu-satu temuduga. Ini disebabkan oleh kesemua sekali pemohon-pemohon yang memohon sesuatu jawatan itu

selepas ditapis ditemuduga, termasuk juga bagi jawatan-jawatan yang rendah. Ini telah mengendalakan dan juga telah menghalang Pengambilan kakitangan-kakitangan yang lain. Saya percaya sekiranya kuasa ini telah dapat diserahkan kepada Kuasa-kuasa Tempatan, kepada pihak Setiausaha Kerajaan di peringkat Negeri dan ketua-ketua Jabatan yang berkenaan, maka soal pengambilan kakitangan di peringkat bawahan akan dapat disegerakan dan soal kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan akan dapat diatasi dengan seberapa segeranya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang yang lalu yang mengecam dasar pinjaman luar negeri Kerajaan. Beliau mengatakan bahawa kalau dikaji dari segi jumlah pinjaman pembangunan yang telah dibuat tiap-tiap satu ringgit bagi tiga ringgit yang dibelanjakan adalah hasil daripada pinjaman luar negeri dan beliau mengatakan bahawa cara ini tidak begitu wajar dan tidak munasabah. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Keluang ini tidak begitu memahami tentang konsep economic sense sebab kalau kita kaji dari segi pinjaman dan dasar pinjaman yang diamalkan oleh institusi kewangan kita hendaklah melihat dan juga meninjau dari segi keupayaan dan viability dan juga creditability sesuatu pihak yang ingin meminjam. Ini jelas sekali dari segi Kerajaan kita khususnya dari segi kedudukan kekukuhan ekonomi negara kita yang menunjukkan bahawa hanya bagi tiap-tiap tiga ringgit, satu ringgit sahaja dipinjam daripada luar negeri. Ini menunjukkan kekukuhan ekonomi negara, bahkan sepatutnya saya berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah meminjam lebih bukan dengan tujuan setakat untuk meminjam bahkan untuk memungkinkan segala rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat lagi dan saya percaya mengikut apa yang kita ketahui daripada kedudukan ekonomi negara kita, maka Kerajaan mampu untuk membayar balik segala pinjaman-pinjaman yang akan dibuat kepada pihak-pihak yang luar negeri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini juga berhubung dengan peranan institusi-institusi kewangan, walaupun telah saya sentuh tadi, tetapi pada umumnya masih lagi timbul sungutan daripada pihak, khususnya kaum Bumiputra

yang ingin menceburkan diri dalam bidang perdagangan dan perindustrian tentang masalah mendapat pinjaman samada pinjaman jangka pendek mahupun pinjaman jangka panjang daripada institusi kewangan dan juga bank-bank perdagangan.

Kita mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk mengadakan satu sistem yang lebih liberal kepada bank-bank perdagangan dan juga institusi kewangan bagi menentukan kadar faedah mereka tetapi sehingga hari ini kita belum mendengar lagi ada bank-bank perdagangan mahupun bank Kerajaan sendiri yang ingin menentukan supaya kadar faedah simpanan deposit dinaikkan ataupun kadar faedah bagi pinjaman itu diturunkan, oleh sebab mengikut apa yang diperkatakan bahawa mengikut kedudukan sekarang ini kadar yang ada adalah sesuai dengan keadaan ekonomi negara kita. Tetapi kita berharap bahawa dengan kelonggaran yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan dan juga di dalam konteks Akta Bank di bawah kawalan Bank Negara maka bank-bank perdagangan dan juga institusi kewangan akan dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan juga peranan yang lebih berkesan supaya keadaan kedudukan kewangan negara akan dapat dinikmati bukan sahaja oleh golongan yang kecil bahkan oleh golongan yang lebih besar yang lebih memerlukan pinjaman dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin sekali lagi menegaskan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu.

4.52 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Belanjawan tahun 1979, Barisan Nasional ada berazam untuk melibatkan diri setegas-tegasnya dalam usaha pembangunan ekonomi negara dan juga terus berjanji akan melaksanakan cita-cita kita mengadakan Malaysia gembira yang bersatu, bangga dan gagah.

Menteri Kewangan mencadangkan untuk mencapai tujuan tersebut dengan satu strategi belanjawan bagi mengekal dan memajukan pertumbuhan terus menerus ekonomi Malaysia dan untuk meningkatkan agihan pendapatan dalam rangka kestabilan harga. Ini

telah dibuat dengan kesedaran bahawa memandangkan keadaan ekonomi antarabangsa akan mencapai kadar pertumbuhan purata yang lebih rendah iaitu hanya sebanyak 3.3% dalam separuh masa pertama tahun 1979 berbanding dengan 4.0% di dalam separuh masa kedua tahun ini dan kadar inflasi juga yang sudah memang tinggi sebanyak 7%, dengan keadaan ekonomi antarabangsa yang sebegini rupa, Kerajaan kita dengan kecerdikannya mengambil sikap yang positif yang bertujuan untuk memperkembangkan tetapi berhati-hati untuk mengurangkan dengan seberapa boleh, menahan dan mencegah kesan-kesan buruk yang timbul dari pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang lembab dan juga keadaan matawang antarabangsa yang tidak stabil. Kami mengalu-alukan azam ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini terhadap 5 sektor seperti tersebut:

- (1) Pelajaran.
- (2) Tanah.
- (3) Sektor perkilangan dan perindustrian.
- (4) Pengangkutan.
- (5) Perumahan.

Dari pelajaran terdapat sejumlah \$1,943 juta adalah diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus untuk pelajaran, mungkin tidak mencukupi memandangkan di masa sekarang dikehendaki mengembangkan dan bertambah lagi tempat-tempat di semua peringkat institusi-institusi pelajaran. Perkembangan seperti ini tidak akan dicapai dengan peruntukan berupa tidak lebih pada 25% dari perbelanjaan mengurus sejumlah \$8,709 juta dan kurang pada 14% dari jumlah belanjawan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa Kerajaan telah juga memberi peruntukan yang sama dengan perbelanjaan untuk keselamatan tetapi performance bagi pelajaran berbanding dengan performance keselamatan adalah tidak begitu berjaya. Kita patutlah menimbangkan untuk memberi peruntukan yang lebih bagi perbelanjaan pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, kadar adult literacy dalam 75% adalah sangat rendah dan tidak memuaskan. Peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran sub-professional dalam pelajaran tinggi adalah terhad. Ada

baiknya mengkonsolidasikan mutu-mutu pelajaran tetapi kita mesti sedar tentang the changes taking place in the environment.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah \$468 juta untuk perbelanjaan pembangunan bagi mengadakan 6,988 bilik darjah bagi pelajaran rendah dan 4,483 bagi bilik darjah pelajaran menengah dan juga 6 buah maktab perguruan yang disebut bagi melatih 4,320 orang guru adalah tepat dengan masanya. Saya telah menyebutkan dalam ucapan terima kasih saya terhadap Titah Diraja, keperluan untuk mengadakan satu program yang vigorous bagi memodenkan dan menambah lagi bilangan bilik darjah untuk setengah-setengah sekolah rendah. Saya berharap peruntukan berjumlah \$421 juta itu bagi tujuan tersebut akan digunakan dengan sepenuhnya dan juga ianya akan membawa kesan. Saya memperkatakan ini ialah sebab dengan adanya alasan-alasan wang yang telah diperuntukkan bagi projek seperti ini kadang-kadangnya tidak digunakan dengan sepenuhnya. Satu sebab yang diberikan ialah kelambatan dalam meluluskan projek-projek itu dan satu sebab lain ialah kontraktor yang dipilih untuk kerja projek itu tidak dapat menyiapkan kerjanya kerana masalah cash flow.

Saya ada dua kes seperti ini di dalam kawasan saya. Sebuah sekolah di Jinjang di mana kontraktor piling telah berhenti kerja selama 8 bulan dan 3 tiang belum ditanam. Oleh kerana itu, projek tersebut terbengkalai, dan Kerajaan akan mengalami kerugian yang banyak terhadap kenaikan kadar inflasi dari bahan-bahan bangunan. Murid-murid dari sekolah tersebut juga akan menghadapi masalah kekurangan bilik darjah apabila sekolah dibuka semula di awal tahun 1979. Sekarang dengan adanya bilik operasi komputer, saya menggesa Kerajaan untuk monitor semua projek-projek dengan teliti dan mengambil tindakan remedial apabila ada gangguan dan kesilapan yang saya sebutkan.

Berkenaan tanah, Tuan Yang di-Pertua, strategi belanjawan bagi tahun 1979 akan juga menarik dan menggalakkan perkembangan pelaburan swasta yang sedia ada dan pertumbuhan dalam pengeluaran bahan-bahan makanan dari jenis pertanian. Kedua-dua sektor ini memerlukan tanah. Saya bercadang masalah tanah di dalam konteks pembangunan nasional mesti dikaji semula.

Peruntukan dan kegunaan tanah hendaklah disusun dan ditetapkan atas dasar yang realistik. Yunit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri patut menyediakan beberapa "guide-lines" untuk kegunaan tanah maxima (maximum usage of land). Jikalau peruntukan dan kegunaan tanah semacam sekarang yang ditetapkan berasas *ad hoc* di peringkat Daerah dan Majlis Tempatan tentulah masalah tanah adalah sukar diselesaikan. Mereka yang miskin dan memerlukan tanah akan tidak berpeluang mempunyai tanah dan taraf ekonomi mereka sentiasa tinggal begitu sahaja. Satu contoh yang baik ialah masalah petani-petani halia di Bukit Tinggi, Pahang. Mereka tidak boleh mendapat tanah untuk bercucuk tanam dan juga keluarga mereka kian bertambah besar. Apa langkah yang patut mereka ambil Tuan Yang di-Pertua. Mereka terpaksa menggunakan tanah rezab hutan dan menanam halia dengan cara haram. Pegawai Penguatkuasa telah mengambil tindakan terhadap mereka tetapi tidak ada remedi yang tertentu bagi menyelesaikan masalah mereka. Jikalau semacam ini apa akan terjadi kepada mereka.

Petani-petani di dalam Wilayah Persekutuan juga menghadapi masalah-masalah yang sama. Ke mana akan mereka berpindah. Mereka adalah pakar-pakar bercucuk tanam dan mengeluarkan bahan-bahan makanan dari jenis pertanian. Kita menggesa Kerajaan untuk mengadakan satu dasar yang melindungi mereka. Apabila mereka diberi notis untuk mengosongkan tanah mereka sepatutnya mereka diperuntukkan tapak tanah di tempat lain seperti dasar sekarang yang berkembang dengan rumah-rumah setingan. Mereka adalah diberi alternative accommodation. Masalah-masalah yang timbul dari aktiviti-aktiviti lombong hendaklah diberi perhatian khususnya bahaya yang datang dari kolam bekas lombong. Baru-baru ini dua orang budak telah mati nahas dalam kolam bekas lombong di Kampung Batu Muda. Ini bukan sahaja kejadian pertama. Inspektor Lombong patutlah mengambil langkah supaya kolam-kolam bekas lombong itu ditutup dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan terhadap kejadian tanah berganjak di Jinjang pada tahun yang lalu dan tahun ini. Pegawai-pegawai dari Jabatan Galian dan Jabatan Kaji Bumi telah datang

melawat dan membuat beberapa penyiataan atas punca kejadian tanah berganjak (land slide) itu. Malangnya selepas itu tidak ada langkah yang positif telah diambil untuk mengawasi keselamatan penduduk-penduduk di situ. Kejadian seperti ini kita tidak boleh menganggap ringan dan untuk maklum Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulai ini banyak rumah-rumah yang terlibat dan dasar-dasarnya telah menurun serta juga ada rekah-rekah pada bumi yang menunjukkan tanda merbahaya untuk tinggal di situ. Tuan Yang di-Pertua baru-baru sahaja 27hb Oktober, hari Ahad ada lagi satu kejadian tanah berganjak di sebelah kawasan lombong itu lebih kurang 20 ela jauh dari rumah-rumah kediaman di mana ada lebih kurang 30 atau 40 buah pokok pisang telah tenggelam. Dan nasib baik bukan nyawa manusia. Satu laporan telah dibuat di Balai Polis Jinjang. Saya telah berhubung dengan Ketua Merinyu, Tuan Mohd. Salleh dan beliau dengan kerjasama yang baik telah mengarah Merinyu Kanannya Tuan Abu Bakar datang melawat kejadian itu dengan segera. Saya merasa operasi lombong sampai begitu dekat dengan kediaman penduduk-penduduk adalah sangat bahaya. Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Wakil Rakyat di Kepong tidak mahu mengalami satu penyaksian trajedi yang buruk kelak terlibat harta benda atau pun nyawa penduduk-penduduk di sini.

Berkenaan sektor perkilangan dan perindustrian, tujuan Kerajaan untuk mencapai kadar perkembangan dalam sektor perkilangan dan perindustrian adalah tepat dengan masanya. Langkah yang akan diambil untuk mencapai kadar pembangunan yang lebih tinggi ini ialah dengan menambah kemudahan-kemudahan infrastruktur dan "back-up support" dengan peruntukan \$558 juta bagi Telekom, \$143 juta untuk Bekalan Air dan \$600 juta untuk Bekalan Letrik. Saya harap dengan peruntukan \$558 juta untuk Telekom, kita boleh mendapatkan perkembangan yang cepat dan hebat lagi bagi sistem telekom di masa tahun-tahun yang akan datang. Permohonan-permohonan telefon bagi domestik atau perdagangan di harap akan dapat dipercepatkan juga. Perkhidmatan telefon ialah seperti "roda" yang telah menjadi keperluan asas bagi kehidupan moden. Jikalau negara kita akan menuju ke hadapan dan keutamaannya jikalau Wilayah Persekutuan akan sama dengan Wilayah Persekutuan di lain-lain negara

akan menjadikan "economic nerve centre" bagi ASEAN, kita harus menghapuskan imej yang tidak baik seperti membiarkan rakyat terpaksa tunggu lama untuk mendapat perkhidmatan telefon. Dua lagi kecacatan yang kita mesti juga memperbaiki ialah "electrical load shedding" dan kekurangan "air industri". Dalam Belanjawan tahun 1979 adalah diberi peruntukannya, hasil yang akhirnya adalah dicarikan dengan sesungguhnya.

Berkenaan dengan pengangkutan, Kerajaan adalah mengurangkan duti eksais bagi bas dari 15% kepada 5% dan cukai enjin sebanyak 25% adalah berita yang baik bagi operator bas sahaja. Tetapi tidak begitu bagi commuters bas. Perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya di Wilayah Persekutuan akan terus-menerus menjadi satu "nightmare". Dengan peruntukan \$499 juta untuk pembinaan jalan dan jambatan akan memperbaiki network pengangkutan negara kita tetapi bagi mengatasi masalah lalulintas di Wilayah Persekutuan, Kerajaan sekarang mesti mempertimbangkan dengan seriusnya untuk membina "Sub-ways" dan "Mono-rails" supaya memenuhi keperluan perkhidmatan pengangkutan awam dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang sedang membangun dengan cepatnya. Apabila sampai kepada tahun 2,000 masa pun terlambat untuk mempertimbangkan langkah seperti tersebut. Kita menghutangkan tanggungjawab ini kepada jenerasi baru dan hendaklah berani, imaginative dan decisive untuk melangkah ke hadapan dalam merancang kerja itu. Adalah tidak betul jikalau kita mengeneipkan masalah ini dengan mengeluarkan kenyataan bahawa langkah sedang diambil dan kita mesti tunggu untuk perlaksanaannya. Apa yang dikehendaki ialah keputusan itu mesti dibuat sekarang. Keputusan itu juga hendaklah diumumkan dan kemajuan implementasinya diberitahu dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perumahan. Ini adalah masalah yang sama besar dan pentingnya dengan masalah pengangkutan. Sungguh baik mendengar berita berkenaan setiap Kerajaan Negeri telah diarahkan untuk menubuhkan Yunit Perumahan Negeri sendiri. Jumlah \$450 juta mungkin tidak mencukupi bagi mengatasi masalah ini tetapi sekurang-kurangnya ada peruntukan tertentu bagi tujuannya. Malangnya, di dalam Wilayah Persekutuan arahan seperti ini

belum diadakan untuk sebuah Yunit Perumahan bagi menjaga khasnya pembinaan rumah murah dan rumanpangsa.

Saya telah mencadangkan baru-baru ini bahawa satu "Housing Development Board (HDB)" yang tugasnya sahaja berkenaan pembinaan untuk memenuhi keperluan perumahan. Yunit ini hendaklah co-ordinate semua aktiviti-aktiviti pembinaan dalam Wilayah Persekutuan dalam syarat premis perumahan dan merancang bagi tahun 2,000. Jabatan Perumahan sekarang di Bandaraya Kuala Lumpur adalah tidak mencukupi dan tambahan pula berkurangan personnel, kewangan, dan keupayaannya untuk menyelesaikan masalah besar ini. Lambat untuk memproseskan permohonan rumah murah dan rumahpangsa; kekurangan rumah dan rumahpangsa semacam ini; kadar perlahan rancangan perumahan dalam Wilayah Persekutuan, semua ini mengakibatkan bertambah tekanannya dan harapan terhadap sektor pembinaan. Perkara rasuah juga boleh kian menjadi dan opportunists menjadi kaya malangnya yang miskin susah seperti itu. Cadangan untuk mengadakan badan seperti itu (H.D.B.) dengan diberi tanggungjawab untuk mengkoordinasi membina banyak lagi rumah-rumah dan merancang lagi untuk masa depan tidak haruslah diketepikan oleh Kerajaan. Kita patut seperti kata dalam bahasa Inggeris "Catch the bull by the horns" atau akhirnya kita kena memberi alasan-alasan bila kita tidak boleh memenuhi "expectations" rakyat. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan untuk menubuhkan yunit ini sebab saya mempercayai adalah sangat perlu untuk mengadakan yunit semacam ini. Kita boleh lihat di Wilayah Persekutuan adanya kekurangan ko-ordinasi bagi aktiviti-aktiviti pembinaan. Ini adalah mengakibatkan kemudahan infrastruktur bagi kawasan perumahan seperti di Sri Segambut, Eastern Garden dan Quarters Askar di Kg. Batu Muda ialah tidak memuaskan dan ko-ordinasi yang tidak cukup ini telah juga membawa banyak masalah bagi 9 buah rumah murah di sebuah project perumahan di Kg. Batu Muda Tambahan dengan pembayaran modal \$800,000 yang tiada jalan dan parit yang tertentu seperti telah dijanji pada mulanya oleh pemaaju. Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Tuan Rumah projek perumahan Kg. Batu Muda Tambahan telah menemui saya dan telah juga membuat pengaduan kepada Biro Siasatan Negara, mereka sedang menunggu keputusannya. Saya harap Kementerian berkenaan dengan Biro Siasatan Negara akan menyasiat

perkara ini kerana wang yang telah diberi kepada pemaaju itu datang dari mereka yang miskin. Kita setiap hari juga menerima pengaduan-pengaduan berkenaan perkara-perkara seperti kebocoran rumahpangsa, lif yang lama dan rosak dan memerlukan replacement. Pengaduan-pengaduan seperti ini dibiarkan. Kita memerlukan tindakan segera untuk memperbaiki masalah-masalah itu dan rakyat tidak boleh tunggu lama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya pembatalan duti impot ke atas kertas tulis dan cetakan adalah sangat dialu-alukan. Saya harap pencetak dan Penerbit Buku akan mengurangkan harga buku-buku bagi tahun 1979. Ini tentu akan memberi banyak pertolongan kepada golongan miskin. Tukang jahit dalam Malaysia telah juga melalui Persatuan mereka meminta saya bagi pihak mereka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana telah menitikberatkan masalah dan kesusahan mereka. Pengecualian atas cukai jualan (sales tax) akan memberi banyak pertolongan terhadap perniagaan mereka yang sedang menghadapi competition dari pakaian fesyen jeans dan pakaian "ready-made".

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa Belanjawan tahun 1979 adalah adil dan generous. Saya tidak akan bertanya bagaimana Kerajaan boleh memberi perubahan cukai dan subsidi seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebab saya ada keyakinan terhadap keupayaannya untuk mencari tabung itu. Saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 20hb Oktober, 1978.

5.20 ptg.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh (Ulu Padas): Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Belanjawan 1979 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam Dewan ini patut diberi setinggi-tinggi pujian kerana ia bersifat "oriented growth Budget" yang bertujuan menggalakkan produksi pertanian yang akan menambah pendapatan rakyat biasa. Saya sangat-sangat berterima kasih kepada Menteri berkenaan kerana menyahut rayuan yang saya buat di Dewan ini dalam sesi Belanjawannya tahun lalu darihal penambahan elaun sara hidup dan konsesi khas terhadap industri kelapa sawit di Sabah dan Sarawak.

Saya bangga dengan dasar Belanjawan tersebut dan dengan kerjasama yang erat dengan Kerajaan Pusat di dalam masa 8 bulan yang akhir ini telah dapat memesatkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah. Negeri Sabah kini dalam kedudukan yang baik dan boleh mencapai taraf yang menggalakkan seimbang dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun Sabah kini sedang pesat membangun di bidang sosio-ekonomi namun ia masih tertinggal di belakang dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Ini disebabkan oleh keadaan yang wujud di masa ini belanja hidup di Sabah adalah yang tertinggi sekali di kalangan negeri-negeri di Malaysia, mungkin kerana kekurangan perusahaan-perusahaan yang bersifat industri dan keadaan ekonomi yang semata-mata bergantung kepada sumber balak dan pertanian yang masih lagi di ambang peringkat awal di samping industri-industri lain seperti koko, kelapa sawit dan getah.

Pendapatan per kapita negeri Sabah adalah antara yang tertinggi sekali di Malaysia kini mungkin disebabkan penduduk-penduduk kita kecil dan kekayaan kita pada sumber balak, pertanian dan hasil bumi. Keadaan ini kadang-kadang mengelirukan dan seolah-olah membayangkan bahawa rakyat negeri Sabah semuanya kaya-raya atau orang-orang yang berada dan hidup dalam serba-serbi kemewahan. Hakikat sebenarnya adalah berlainan sebab ramai rakyat baik di dalam ataupun di luar bandar yang masih miskin. Kerana sedarkan keadaan yang mendukacitakan ini, Kerajaan Negeri telahpun melancarkan projek ekonomi rakyat dengan tujuan utama meninggikan taraf hidup masyarakat luarbandar.

Dalam keadaan seperti yang saya sebutkan ini, kecuali perhatian diberikan terhadapnya, kita di Sabah akan terjejas dan menerima akibat buruk di dalam usaha pelaksanaan Dasar Ekonomi dan Kewangan negara kita.

Adalah mustahak kelonggaran terhadap dasar tersebut dipertimbangkan ketika pelaksanaannya sepanjang yang berkaitan dengan negeri Sabah. Penyamaan pelaksanaan dasar-dasar ini tidak boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Saya amat sukacita bahawa Kerajaan Pusat telah memahami faktor ini dan telahpun memberi peruntukan pembangunan yang

diperlukan untuk memperbaiki infrastruktur dan meninggikan taraf hidup rakyat dan telah juga bercadang untuk membantu perusahaan minyak kelapa sawit. Malangnya bantuan tersebut tidak mencukupi untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi di Sabah kepada tingkat yang sedang dinikmati oleh lain-lain negeri di Semenanjung. Masanya sudah tiba agar Kerajaan Pusat mengambil langkah pengenaan cukai yang sesuai terutama sekali untuk mengatasi masalah perbezaan yang dihadapi oleh negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya hargai langkah-langkah yang telah diambil untuk meninggikan atau anak-anak pembayar cukai adalah akan mengurangkan bebanan kepada mereka itu sekiranya usaha ini melibatkan kenaikan tingkat perbelanjaan pendapatan (increase disposable income levels) pembayar cukai tersebut. Cadangan ini berdasarkan kepada tiga faktor:

- (1) belanja hidup yang meningkat lebih daripada 30% kalau dibezakan dengan tahun 1967;
- (2) kebanyakan daripada orang-orang yang bergaji adalah dalam lingkungan umur di antara 20-35 tahun, yang mana sebilangan besar masih bujang atau kahwin tanpa anak; dan
- (3) kebanyakan daripada orang-orang bergaji adalah ibubapa yang miskin dan masih membantu keluarga seperti abang adik mereka, yang mana tidak ada perimbangan cukai diberi.

Keadaan pengenaan cukai dan rebate sekarang seorang bujang menerima gaji \$250 sebulan adalah dikenakan cukai. Oleh sebab sara hidup yang melambung, kebanyakan daripada orang-orang muda yang membayar cukai merasa susah untuk menampung perbelanjaan sehari-hari dalam keadaan cukai sekarang, ini bermakna tidak ada lebihan untuk disimpan, menjaga keluarga dan membantu ibubapa yang sudah tua dan abang adik mereka. Adalah lebih realistik untuk meninggikan tingkat rebate dan personal relief supaya seseorang mendapat gaji di bawah \$335 tidak terkena apa-apa cukai. Jumlah pendapatan negara yang akan kurang adalah sedikit sahaja akan tetapi jumlah ini adalah besar terhadap golongan berpendapatan rendah untuk mengurangkan bebanan inflasi. Oleh sebab keteguhan belanjawan dan kewangan, Kerajaan boleh, seperti kata Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, memberi sedikit konsesi terhadap

orang ramai. Saya merayu agar Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mempertimbangkan kenaikan "relief" terhadap pembayar cukai kepada \$3,000 dan elaun isteri kepada \$2,000. Ataupun, untuk memberi keuntungan kepada pendapatan golongan rendah, saya cadangkan supaya "rebate" cukai sekarang dinaikkan untuk suami kepada \$120 daripada \$60 dan \$30 kepada \$60 untuk isteri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sara hidup yang tinggi di Sabah, keutamaan hendaklah diberi kepada penduduk-penduduk di Sabah supaya mereka dapat mengekalkan tingkat pendapatan yang sama dengan penduduk-penduduk di Semenanjung. Sebelas tahun yang lalu Sabah menikmati 40% jumlah rebate ke atas pendapatan yang mana telah beransur-ansur hilang sejak tahun taksiran 1974. Kehilangan "rebate" khas dan sara hidup yang tinggi telah mengakibatkan cukai persendirian yang tinggi sekali di seluruh Malaysia. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa sara hidup di Sabah sekurang-kurangnya 30% lebih tinggi daripada Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian penduduk-penduduk di Sabah mendapati bahawa pendapatan yang tinggal selepas membayar cukai adalah jauh lebih rendah daripada yang didapati oleh penduduk-penduduk yang setaraf di Semenanjung. Saya merayu kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan agar membenarkan rebate khas sebanyak 10% hingga 20% kepada orang-orang di Sabah oleh sebab sara hidup yang lebih tinggi supaya dapat mengurangkan perbezaan pendapatan dengan orang-orang di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah digalakkan untuk memperbaiki pentadbiran dan organisasinya supaya dapat memainkan peranan-peranan yang efektif dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Pembetulan ini kadang-kadang dapat diadakan menerusi penubuhan badan-badan berkanun dan lain-lain badan separuh Kerajaan, yang mana diharapkan dapat mengeluarkan dan mengekalkan sumber masing-masing untuk membantu perbelanjaan kegiatan-kegiatan dan projek-projek pembangunan. Saya dukacita bahawa kebanyakan badan-badan ini tidak diberi pertimbangan dalam hal pembayaran cukai. Mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan pengecualian cukai. Sekiranya

pengecualian cukai tidak diberi mereka ini akan selama-lamanya bergantung kepada Kerajaan untuk mendapat grant yang mana akan menjejaskan usaha untuk berdikari dari segi kewangan. Pengenaan cukai terhadap mereka adalah sama saja seperti memindah sumber-sumber kewangan dari satu saku kepada yang lain, sekiranya pendapatan yang dikenakan cukai akan diganti dengan grant yang diberi oleh Kerajaan agar mereka ini dapat bergiat dengan sempurna. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya menyemak semula implikasi cukai terhadap badan-badan berkanun agar keupayaan mereka membantu usaha-usaha Kerajaan dari segi pembangunan tidak akan terjejas.

Saya sedar bahawa pada masa ini koperasi dikecualikan daripada cukai pendapatan untuk 5 tahun dari hari ianya didaftar sekiranya ahli koperasi tersebut kurang daripada \$500 ribu pada tahun taksiran yang dibuat. Akan tetapi tidak ada perbezaan terhadap jenis kewangan atau kegiatan koperasi-koperasi tersebut yang mana pelaburannya mungkin tidak akan mendatangkan apa-apa keuntungan selepas 5 tahun, terutama sekali koperasi yang terlibat dalam pembangunan dan perusahaan. Lagipun, syarat-syarat yang menggalakkan bilangan ahli yang kecil tidak membolehkan koperasi tersebut menjalankan projek yang besar yang memerlukan bilangan ahli yang banyak. Perkara ini menyekat golongan miskin beramai-ramai menubuhkan koperasi untuk melaksanakan pelaburan yang memerlukan kewangan yang besar. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya menyemak semula kedudukan cukai sekarang dengan membenarkan koperasi yang mempunyai saham ahli kurang daripada \$3 juta dan koperasi luarbandar tanpa mengira jumlah saham ahli dikecualikan daripada membayar cukai dan membenarkan lain-lain koperasi yang mempunyai saham ahli di antara \$3 juta hingga \$5 juta daripada membayar cukai selama 10 tahun. Kecuali perkara ini dilakukan maka keadaan sekarang akan berterusan di mana kaum hartawan akan menubuhkan syarikat-syarikat dan menjadi kayaraya sementara golongan miskin berpuas hati dengan koperasi-koperasi kecil menjual kacang putih.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan bahawa terdapat pada setengah-setengah kes

biaya yang diberi oleh Kerajaan pun dikenakan cukai seperti biaya-biaya yang diberi untuk tujuan-tujuan pertanian. Di bawah paragraph 26 Schedule 3 Akta Cukai Pendapatan:

(Dengan izin) "Any sum first becomes payable to him. . . . being a sum in respect of a grant or other payment by the Government, a State Government. . . which is intended directly or indirectly to relieve him of the burden of any capital expenditure incurred by him in that plantation, a plantation charge equal to that sum be made on him. . . ."

Ini tidak akan menyumbangkan ke atas kemajuan pertanian dan tanaman estate sejajar dengan dasar Kerajaan. Sementara Kerajaan bertujuan untuk membantu pekebun-pekebun kecil dan koperasi menerusi biaya yang tidak mendapat pengecualian cukai-cukai, biaya-biaya tersebut akan dipotong menerusi pembayaran estate. Untuk membantu orang-orang ini secara berkesan, ini bererti bahawa Kerajaan samada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat akan terpaksa membelanja 2 kali ganda lebih daripada yang diperlukan. Kecuali keadaan ini dapat diperbaiki, Kerajaan Negeri atau badan-badan berkanun tidak berpeluang untuk membantu golongan miskin melaksanakan projek-projek pertanian untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Oleh yang demikian saya merayu menyemakkan perkara ini dengan segera dengan tujuan untuk memudahkan rancangan-rancangan pembangunan pertanian yang dijalankan oleh rakyat.

(a) Penanaman Semula

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh dengan panjang lebar dalam ucapan Belanjawan yang lalu mengenai mustahaknya galakan cukai untuk usaha menanam semula kayu-kayan.

Meskipun reaksi yang baik telah diterima daripada pihak berkuasa namun demikian saya kesal belum ada lagi langkah-langkah positif yang telah diambil untuk menghapuskan bebanan dalam undang-undang cukai mahupun langkah-langkah yang konkrit diwujudkan untuk memberi galakan di atas usaha mengekalkan hasil kayu-kayan melalui perindustrian penanaman semula. Oleh sebab kemerosotan cepat yang berlaku terhadap bahan-bahan ini sekali lagi saya

merayu kepada Kerajaan menimbangkan hal ini dengan segera supaya kita dapat memberi keistimewaan khas ke atas usaha-usaha perindustrian kayu-kayan di negara ini.

(b) Pertanian

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sukacita oleh sebab Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan faham betapa perlunya bantuan diberi kepada perindustrian minyak kelapa sawit di Sabah dan Sarawak yang telahpun membeli konsesi istimewa kepada kita, saya berharap layanan seperti ini dapat dipanjangkan untuk membantu industri pertanian terutama sekali industri getah.

Menurut pengalaman kita bahawa pengecualian cukai eksport sebanyak 30% terhadap getah yang diekspot dari Sabah menunjukkan bahawa perkara ini tidak memberi apa-apa kesan terhadap industri ini di Sabah. Konsesi 30% ini hanya dapat menampung surcharge ke atas getah yang mana Sabah dikecualikan sebelum bulan Oktober, 1977 akan tetapi telah dimusnahkan dalam struktur cukai setelah bulan Oktober, 1977. Industri getah pada masa ini sedang menghadapi perubahan struktur yang dulunya kebanyakan terdiri daripada kebun-kebun besar dan sederhana bertukar kepada kebun-kebun kecil yang dimiliki oleh kaum bumiputra. Oleh kerana dasar Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan luarbandar dan ongkos pengeluaran dan eksport yang lebih di Sabah, saya merayu kepada Kerajaan Pusat untuk memberi pengecualian cukai kepada yang lebih sebanyak 30% kepada pengeluar-pengeluar di Sabah untuk memberikan kesan kepada tujuan pengecualian yang asal sebanyak 30% itu dinikmati oleh industri getah di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan Pusat sentiasa bersedia untuk membantu kita seberapa yang boleh. Hanya dalam proses penyamaan yang dilakukan di setengah-setengah perkara telah tidak mendapat perhatian di Sabah di mana keadaan dan tingkat pembangunan adalah jauh lebih berbeza dengan Semenanjung Malaysia. Saya berharap kesemua perkara-perkara yang mungkin memberi bebanan yang tidak diketahui di Sabah akan dapat diminimakan dalam proses penyamaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat-sangat menggalakkan apabila saya mendengar Yang

Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengatakan bahawa tingkat pembangunan akan dipergiatkan untuk menjamin kepesatan perkembangan ekonomi. Saya percaya langkah-langkah dan strategi-strategi yang dikemukakan di Dewan ini akan mengeluarkan hasil-hasil yang diharapkan. Saya juga berharap bahawa pendekatan menyeluruhnya dengan digunakan dalam Belanjawan tersebut akan dapat menghilangkan dan membetulkan ciri-ciri yang tidak sesuai yang mungkin wujud dalam Undang-undang Cukai dan juga dapat menimbangkan keadaan-keadaan yang berlainan di Sabah untuk memberi layanan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang telah beberapa kali menimbulkan di Dewan ini soal pembelian dua buah jet Grunmen yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1971-1972 yang mana telah melibatkan nama saya sendiri. Pada 27-10-1978 Ahli dari Menglembu pula mencadangkan supaya saya meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri. Saya tidak bertujuan untuk menerangkan dengan panjang lebar tentang perkara ini oleh sebab saya tahu diri saya tidak bersalah dalam hal ini dan tidak akan bertujuan meletakkan jawatan untuk menurut nafsu pihak Pembangkang.

Saya telahpun mengambil tindakan undang-undang terhadap suratkhbar-suratkhbar yang telah menyiarkan berita yang saya anggap telah mencemarkan nama saya. Oleh sebab perkara ini *sub judice* atau sedang dipertikaikan di mahkamah, dan keputusannya masih lagi ditunggu. Bagaimanapun saya ingin membuat penjelasan sebagai rekod di Dewan ini.

Yang pertama, selepas sahaja saya membaca berita tentang dakwaan yang telah dibuat di mahkamah di Amerika Syarikat Securities and Exchange Commission mengenai pembayaran

Tuan Yang di-Pertua: Sebagaimana Yang Berhormat sendiri kata perkara ini *sub judice* jadi tiap-tiap satu ucapan yang boleh mempengaruhi perkara itu tidak boleh disebutkan di sini, tetapi kalau untuk penjelasan sahaja tidak apalah.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan kerana

sudah ada rekod yang dibenarkan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu membuat ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi waktu itu Yang Berhormat belum lagi mengambil tindakan undang-undang.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Sudah, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sudah mengirinkan kawat kepada Dewan ini pada 16hb Oktober, 1978 beliau berucap pada 27hb dan saya telah menyusul surat juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap saya hanya memberi penjelasan sebagai rekod dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi untuk membetulkan rekod, pada masa itu Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat dan saya telah menghantar surat daripada bilik saya mengatakan perkara itu, dan dalam *Hansard* tentu ada; perkara ini dalam timbangan mahkamah.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih, tetapi saya ada satu dua perkara untuk memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Yang pertama, selepas sahaja saya membaca berita tentang dakwaan yang telah dibuat di mahkamah di Amerika Syarikat Securities and Exchange Commission mengenai pembayaran undang-undang luar biasa dan tanpa rekod, corrupt, illegal, improper and unaccountable yang telah dibuat kepada beberapa orang termasuk syarikat yang saya miliki. Saya telah mengeluarkan siaran akhbar menafikan tuduhan tersebut. Saya juga telah membuat laporan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memaklumkan keadaan yang sebenarnya. Sesudah itu peguam saya telah memperolehi text yang lengkap mengenai tuduhan SEC dan saya telah dinasihatkan bahawa laporan yang dibuat oleh UPI (correspondents) itu tidak adil dan berita mengenai aduan itu tidak betul.

Yang kedua, saya ingin mengulangkan penjelasan yang saya buat di suratkhbar dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pembayaran yang telah dibuat kepada Gaya House Sdn. di mana saya

mempunyai saham yang besar, adalah sah dari sisi undang-undang dan perlantikan Gaya House oleh Page Airways sebagai ejen dan wakil ianya sebelum saya kembali menjadi Ahli Kabinet Negeri, dan Ketua Menteri waktu itu membuat keputusan untuk membeli kapal tersebut sebelum saya dilantik semula menjadi Ahli Kabinet Negeri dan saya tidak terlibat dan mempunyai apa-apa pengaruh terhadap pembelian kapal tersebut.

Yang ketiga, aduan yang dibuat di Amerika Syarikat itu terhadap Page Airways meliputi berbagai tuduhan dan beberapa penjualan dan melibatkan banyak orang-orang di seluruh dunia termasuk tuduhan terhadap Page Airways mengenai pembayaran tanpa rekod (unaccountable). Ini adalah tuduhan-tuduhan untuk dijawab oleh Page Airways. Adalah tidak adil bagi pihak Pembangkang berpendapat seolah-olah saya bersalah dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Sabah bukanlah kita takut perkembangan parti DAP untuk masuk ke negeri Sabah. Kita tidak takut kerana kita percaya dan yakin DAP hanya dapat pengaruh daripada orang-orang yang anti-nasional sahaja, orang-orang yang tidak cintakan negara kita, orang-orang yang tidak cintakan keamanan negara kita. Kerana ada bukti-bukti khas waktu Ahli dari Petaling datang ke Sabah beliau berkempen menggunakan cara-cara atau taktik-taktik komunis, kita ada bukti menunjukkan, seperti dia bertanya kepada taxi driver, katanya 3-4 tahun dahulu sebelum Kerajaan BERJAYA awak kerja apa? Dia kata mesti memandu kereta. Sekarang dia kata BERJAYA, awak memandu kereta. Menteri BERJAYA sudah ada kereta, katanya dan banyak lagi bukti-bukti yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga saya dapati satu buku yang dikeluarkan oleh Ahli dari Petaling yang dinamakan "Time Bomb" in Malaysia di bawahnya Lim Kit Siang. Saya tengok buku ini mengeluarkan dengan terang-terang menyatakan bukan satu "time bomb" dalam Malaysia, ada banyak "time bombs" dan dia menuduh antara yang disebutkan "time bomb" itu ialah :

- (i) Dasar pelajaran.
- (ii) Suku kaum.
- (iii) Kelas atau perbezaan darjat sosio-ekonomi dan lain-lain.

Saya rasa apa yang dibuat oleh parti Pembangkang seperti DAP, langkah-langkah yang diambil oleh parti DAP dan juga pemimpin-pemimpinnya, kalau kita gelar pemimpin-pemimpin parti Pembangkang, adalah seperti ucapan-ucapan yang kita telah dengar di Dewan ini daripada satu masa ke satu masa. Tadi pun baru kita dengar juga ada satu ucapan yang mengatakan ada satu cadangan daripada Ahli Pembangkang yang mengatakan perkara-perkara dalam Malaysia ini dapat diselesaikan tetapi dia kata apa yang dia beri itu bukan ubat tetapi racun dan ini saya percaya betul.

DAP juga menuntut dalam bukunya ini dia kata daripada 16 orang Ahli Parlimen, 4 orang adalah keturunan India. Dia kata mereka ini mewakili lebih banyak wakil orang-orang India daripada parti MIC, tetapi saya dapat tahu ini tidak betul, kerana keempat-empat orang dari keturunan India ini mewakili di kawasan orang-orang bukan keturunan India, sebaliknya di kawasan orang-orang keturunan China. Jadi saya cabar kepada parti DAP kalau dia kata betul partinya itu parti multi-racial, sekarang dia ada 16 orang; 4 orang keturunan India, tinggal 12 orang; berhentikan 6 orang, taruh orang Melayu bumiputra di sana, kalau mereka dapat sokongan betul-betul, itu boleh dibuktikan apa saya sebutkan (*Tepuk*).

Saya minta Kerajaan Pusat supaya mengambil perhatian berat atas gerakan-gerakan yang dibuat oleh DAP, bukan sahaja di Semenanjung, tetapi juga di Sabah, kadang-kadang menerusi suratkhbar yang dinamakan "Rocket" itu terang-terang menghancurkan tetapi kita di Sabah tidak khuatir kerana kita percaya DAP hanya dapat sokongan dari orang-orang anti-nasional, orang-orang yang anti-kemajuan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bruas belum membuat ucapan sulung. Sila.

5.52 ptg.

Tuan Ting Chek Ming (Bruas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Ucapan Belanjawan tahun 1979 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Belanjawan tahun 1979 patutlah memper-tingkatkan pelepasan cukai pendapatan kepada pembayar-pembayar cukai pendapatan

yang terpaksa memelihara ibubapa mereka yang sudah bersara. Ibubapa mereka itu tidak mempunyai apa-apa pun pendapatan kerana telah menghabiskan pendapatan harian mereka sepanjang masa bekerja mereka untuk menampung anak-anak mereka, akibatnya golongan ibubapa ini terpaksa bergantung hidup kepada anak-anak mereka yang bekerja sekarang sehingga mereka meninggal dunia. Di samping itu ramai pembayar cukai pendapatan juga terpaksa menjaga sanak-saudara mereka yang tidak dapat menyara hidup mereka. Oleh kerana tiada peruntukan yang demikian dalam Belanjawan tahun 1979 saya rasa bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan patut merujuk kepada sistem cukai pendapatan British yang memberi pelepasan cukai pendapatan kepada pembayar-pembayar cukai pendapatan yang terpaksa menanggung kehidupan ibubapa mereka yang sudah tua dan sanak-saudara mereka yang cacat atau yang tidak dapat menyara hidup mereka.

Pengurangan cukai mpot bagi buah-buahan impot adalah satu langkah yang bertentangan dengan usaha Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) yang menggalakkan rakyat kita menanam buah-buahan tempatan. Bagaimanakah kita dapat menggalakkan penanam-penanam buah-buahan tempatan kita ini menambah pengeluaran mereka apabila mereka terpaksa bersaing dengan buah-buahan impot yang lebih baik mutunya, lebih-lebih lagi perusahaan-perusahaan menanam buah-buahan tempatan masih di peringkat permulaannya. Oleh itu adalah mustahil bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa dengan langkah ini penanam-penanam buah-buahan tempatan akan digalakkan mengeluarkan buah-buahan yang lebih murah, pada hal langkah ini sudah tentu akan mencekik atau membunuh perusahaan buah-buahan kita pada akhirnya. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan kita mempertimbangkan berapakah belanja yang mesti dikeluarkan oleh penanam-penanam kita untuk membeli baja-baja kimia dan ubat-ubat penyembur serangga sebelum dia menjadi pertanda kepada perusahaan buah-buahan kita ini.

Belanjawan tahun 1979 mendakwa bahawa Kerajaan juga akan menolong pekebun-pekebun getah kecil dengan menaikkan geran atau subsidi menanam semula dari \$900 seekar kepada \$1,200 seekar pekebun-pekebun

yang kawasan getah mereka adalah kurang dari 10 ekar. Memandangkan kos penanam semula sudah melambung naik, Yang Berhormat Menteri Kewangan patut memberi kenaikan subsidi sebanyak \$500 seekar kerana kebanyakan pekebun itu bergantung kepada kebun-kebun mereka sebagai punca pendapatan mereka. Apabila mereka menanam semula kebun-kebun mereka, mereka terpaksa mencari mata pencarian lain bagi menampung kehidupan keluarga mereka selama kira-kira 5 tahun sebelum pokok-pokok getah baru mengeluarkan susu. Tempoh waktu inilah yang menimbulkan masalah-masalah kewangan dan mereka itu sangat memerlukan subsidi itu bagi mengatasi kesusahan-kesusahan mereka.

Yang Berhormat Menteri Kewangan mendakwa bahawa Kerajaan sedang menjalankan rancangan-rancangan untuk menambah pengeluaran hasil-hasil pertanian, oleh itu Kerajaan kononnya tidak mengeneppikan kepentingan pekebun-pekebun kecil seperti pekebun getah tetapi saya rasa Kerajaan sudah mengeneppikan kepentingan penanam-penanam koko, lada hitam dan kelapa kerana Belanjawan tahun 1979 tidak memberi apa-apa peruntukan kepada tanaman-tanaman tersebut. Peruntukan juga tiada bagi perusahaan ubikayu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun kebelakangan ini banyak telah diperkatakan dan banyak wang telah juga dibelanjakan untuk menambah dan menyebarkan pengetahuan dan cara-cara mengurus ladang-ladang yang moden supaya sektor pertanian kita dapat dimodenkan tetapi nampaknya langkah-langkah itu telah gagal. Kebanyakan petani masih hidup dalam kesusahan dan penderitaan. Usaha-usaha Kerajaan untuk menolong mereka telah dihalang oleh pentadbir-pentadbir Kerajaan yang tidak mahu mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani. Program demi program, usaha demi usaha telah dijalankan tetapi Kerajaan yang di bawah pimpinan Barisan Nasional masih gagal mencapai kejayaan. Kerajaan kini patut bersikap lebih realistik dan mencari masalah-masalah pokok kaum tani yang hidup tercengkam oleh masalah-masalah kewangan dan kesan-kesan buruk dari penjajahan.

Kita sudah mencapai kemerdekaan selama 21 tahun tetapi nasib kaum tani tetap tidak berapa banyak berubah. Misalnya di kawasan saya terdapat kira-kira 50 keluarga yang telah menetap di sebuah rancangan tanah lebih dari 10 tahun tetapi hingga hari ini mereka masih sentiasa diserang dan dilanda oleh sekumpulan gajah, akibatnya pokok-pokok buah-buahan mereka habis musnah. Usaha-usaha Jabatan Margastua untuk menghalau kumpulan gajah-gajah itu telah gagal nampaknya kerana kumpulan gajah itu tetap.

Tuan Yang di-Pertua: Ini gagakkah atau gajah?

Tuan Ting Chek Ming: Gajah.

Tuan Yang di-Pertua: Gajah.

Tuan Ting Chek Ming: Ya, gajah. G-a-j-a-h. Sorry. Kerana kumpulan gajah itu tetap kembali merosakkan tanam-tanaman tiap-tiap minggu atau tiap-tiap dua minggu. Oleh hal yang demikian jelas kelihatan bahawa kaum tani kita memerlukan pemimpin-pemimpin yang jujur dalam melaksanakan dasar-dasar untuk menyusun semula sistem sosio-ekonomi kita tanpa mengira kaum atau menafikan peluang yang patut diberikan kepada setengah-setengah community untuk mendapat satu kehidupan yang memuaskan tanpa mengira samada community itu tinggal di luarbandar atau di bandar.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan wang yang mencukupi bagi membina bilik-bilik darjah untuk menampung muird-murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Keadaan bilik darjah bersesak-sesak dengan lebih 40 orang murid patut dielakkan apabila sekolah dibuka semula pada tahun 1980.

Peruntukan wang bagi perumahan dalam Belanjawan tahun 1979 untuk mengurangkan masalah perumahan di negara kita dan peruntukan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membiayai projek-projek perumahan murah adalah jauh dari mencukupi memandangkan kenaikan harga bahan-bahan pembinaan dan kenaikan gaji pekerja-pekerja dalam bidang pembinaan. Dengan jumlah peruntukan yang kecil itu cuma sebilangan kecil pemohon akan mendapat

rumah murah. Jadi, masalah perumahan bertambah teruk sekarang adalah menjadi mimpi bagi golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah murah kerana SEDC agaknya sudah menjadi badan perniagaan. Tentulah Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar bahawa kira-kira 70% dari pada pemohon-pemohon dari rumah murah itu telah ditolak walaupun pemohon-pemohon itu telah membayar wang pendahuluan mereka dan mengorbankan sehari dua berbaris untuk mendapat borang permohonan.

Dalam hujah-hujah saya tersebut jelaslah bahawa Belanjawan tahun 1979 tidak dapat mencegah inflasi serta belanja hidup yang kian meninggi. Pelepasan cukai yang dikemukakan oleh Belanjawan tahun 1979 sama sekali tidak boleh dianggap menguntungkan golongan berpendapatan rendah.

6.04 ptg.

Dr Tan Koon Swan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengenai Belanjawan tahun 1979.

Jikalau dibandingkan dengan semua Belanjawan-belanjawan yang lalu, Belanjawan tahun 1979 adalah munasabah dan bermurah hati. Apa yang boleh dipuji dengan lebih tingginya, adalah strategi-strategi Belanjawan iaitu untuk menampung dan menggalakkan, perkembangan ekonomi Malaysia dan untuk memperbaiki lagi pembahagian pendapatan dalam keadaan harga-harga yang lebih stabil. Matlamat itu mulia tetapi tugas itu adalah suatu operasi yang sangat sukar dalam kewangan. Sementara sokongan sektor swasta adalah penting, mekanism yang digunakan oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat ini adalah penting juga.

Terlebih dahulu, saya ingin membuat sedikit penglihatan berkenaan keadaan ekonomi yang didapati di negara kita pada masa ini, dan juga mengemukakan komen-komen mengenai cara-cara yang mungkin digunakan, untuk mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan keadaan ekonomi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulai dengan strategi untuk membasmi kemiskinan. Kadar kemiskinan yang tertinggi terdapat

antara penduduk-penduduk luarbandar, khususnya di sektor pertanian tradisional di mana pengeluaran adalah berasaskan kepada ladang-ladang yang kecil.

Berkenaan dengan kemiskinan di kampung-kampung, saya telah menyentuh sedikit sebanyak tentang keadaan ini dalam ucapan saya di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun langkah Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk kampung, seperti membukakan tanah baru, memberikan bantuan kredit dan pemasaran patut diberi pujian, tetapi banyak lagi boleh dijalankan dan perlu dijalankan dengan segera. Tindakan-tindakan haruslah diambil supaya meninggikan productivity mereka melalui penggunaan teknologi moden. Syarikat-syarikat perkhidmatan hendaklah ditubuhkan oleh agensi-agensi Kerajaan bagi membekalkan jentera-jentera secara sewa. Di samping itu, Kerajaan perlulah menimbangkan subsidi-subsidi tertentu kepada mereka ini untuk meringankan beban mereka. Saya percaya banyak lagi yang dapat dilakukan oleh Kerajaan untuk mereka dan ini perlulah dilakukan dengan segera.

Di kampung-kampung Baru Cina, suatu sebab utama yang menyebabkan kemiskinan adalah kekurangan tanah untuk perumahan dan pertanian. Kebanyakan keluarga di kampung-kampung Cina masih bekerja dan bergantung kepada ladang-ladang yang mencukupi untuk satu keluarga. Ladang-ladang itu diberikan kepada mereka kira-kira 20 tahun yang lalu apabila Kampung-kampung Baru ditubuhkan. Sejak itu, keluarga-keluarga mereka telah berkembang. Ladang-ladang mereka tidak boleh lagi memberi nafkah yang mencukupi kepada keluarga mereka. Rumah-rumah mereka tidak boleh lagi memberi perlindungan kepada seluruh keluarga. Tanpa penyelesaian atau bantuan dari Kerajaan, mereka telah membukakan tanah secara haram dan menubuhkan rumah-rumah setingan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memaafkan perbuatan-perbuatan haram itu, tetapi saya ingin menunjukkan bahawa tindakan-tindakan itu diambil oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru kerana keperluan mereka untuk terus hidup. Tuan Yang di-Pertua, jikalau membuatnya adalah suatu kesalahan dan tidak membuatnya menjadikan sesuatu yang lebih buruk, pilihannya kepada mereka adalah terang.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru Kerajaan supaya mengkaji kesukaran penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru Cina dengan amat segera.

Saya perhatikan dengan senang hati pengumuman yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia di Dewan ini bahawa Kerajaan akan membentuk suatu Dasar Pertanian Nasional yang baru. Saya berharap bahawa dalam pembentukan Dasar Baru ini, Kerajaan serta Perancang-perancang negara akan mengenali keadaan-keadaan sukar yang ada di kampung-kampung dan juga di kampung-kampung baru Cina.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya mencadangkan supaya bawah Dasar Pertanian Baru ini kuasa diberikan kepada Kerajaan Persekutuan untuk memperolehi tanah-tanah dari Negeri-negeri bagi pertanian, dan tanah-tanah yang diperolehi itu hendaklah diberikan kepada rakyat dari semua bangsa, supaya menolong menghapuskan, pengenalan kaum, dengan fungsi-fungsi ekonomi dan juga untuk meringankan masalah-masalah yang dialami oleh penduduk-penduduk kampung-kampung Cina.

Tuan Yang di-Pertua, adalah pendapat saya bahawa pada akhirnya, pembasmian kemiskinan dalam sektor pertanian hanya boleh berlaku, sekiranya lebih sedikit peladang bekerja di ladang-ladang yang lebih besar dengan menggunakan teknologi-teknologi lebih tinggi supaya paras pendapatan peladang-peladang dapat ditinggikan untuk mendorong penggunaan yang mana akan mengakibatkan perkembangan dalam aktiviti-aktiviti di bandar. Keadaan ini hanya akan ujud sekiranya peluang-peluang pekerjaan lain dapat diciptakan melalui pembukaan tanah-tanah yang belum diusahakan dan pembinaan pusat-pusat bandar baru. Apa yang lebih penting, ialah bahawa Kerajaan perlulah menggalakkan perkembangan tanpa halangan dalam semua aktiviti-aktiviti ekonomi, khususnya dalam perindustrian dan perdagangan di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menduga bahawa Kerajaan telah menyedarinya. Rombongan-rombongan pelaburan luar negeri, yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir, untuk menggalakkan pelaburan modal asing, adalah bukti bahawa Kerajaan

menyedari tentang kepentingan untuk mendorong aktiviti-aktiviti ekonomi di bandar, khususnya perkembangan perindustrian, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa halangan yang perlu dihapuskan supaya membenarkan perkembangan yang lebih sihat dan berterusan. Walaupun suasana pelaburan dalam negeri, pada masa ini, lebih terang dari dua tahun dahulu, yang mana saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan usaha-usaha pegawai-pegawai FIDA dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, masih terdapat sedikit awan mendong mesti dibiarkan hilang supaya memberikan jalan untuk pelaburan sektor swasta yang lebih aktif, khususnya syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur dalam negeri.

Satu dari halangan-halangan yang saya ingin sebutkan adalah berkaitan dengan Akta Penyelarasan Perindustrian. Akta ini memperuntukan, antara lain, bahawa tiap-tiap orang yang menjalankan pengilangan dan tidak dikecualikan oleh Akta itu mesti membaharui lesennya, tiap-tiap tahun, dan ia mesti juga, mematuhi kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru berkenaan penyertaan ekuiti, dan gunatenaga Bumiputra. Ini telah mendatangkan kebimbangan antara masyarakat perdagangan, khususnya antara mereka yang menjalankan perniagaan mereka secara keluarga tradisional, iaitu perusahaan-perusahaan bersaiz kecil dan sederhana. Ini telah menyebabkan banyak kilang memberhentikan pembesaran mereka, dan juga telah menahan banyak pelabur baru dari memulakan operasi-operasi baru. Tuan Yang di-Pertua, sebab asas di belakang fikiran masyarakat perdagangan bukan kerana mereka tidak bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru, mereka berpendapat Akta tersebut tidak berapa praktikal, apabila digunakan kepada perusahaan bersaiz kecil dan sederhana. Penguatkuasaan Akta ini hanya akan menimbulkan perasaan yang kurang sihat, dan bertentangan dengan matlamat perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa dalam menambahkan penyertaan Bumiputra dalam ekonomi kita pada masa ini, pelaburan tabung Bumiputra, khususnya tabung-tabung dimiliki oleh orang perseorangan, hendaklah digalakkan berkembang—ia jangan “dikurangkan”. Perusahaan bersaiz kecil dan sederhana biasanya menjalankan

syarikat-syarikat mereka secara “Sdn. Bhd.” di mana saham-saham mereka tidak dijual-beli dengan bebas di pasaran. Apabila kumpulanwang dilaburkan di syarikat-syarikat tersebut sebagai modal ianya tidak dapat dikeluarkan lagi. Maka, sekiranya perniagaan itu merupakan satu usaha-bersama antara orang Melayu dan orang yang bukan Melayu sekiranya, terdapat pertikaian dalam syarikat itu, samada disebabkan oleh pengurusan atau lain-lain, tidak ada banyak pilihan terbuka untuk mereka mencapai penyelesaian secara mesra, dan akibatnya perasaan buruk dan bukan sebaliknya akan timbul. Dengan demikian pelaburan dalam syarikat-syarikat “Sdn. Bhd.”, samada bersaiz kecil dan sederhana, bukanlah apa yang diingini oleh Bumiputra, dengan terdapat banyak peluang lain yang ada hasil dari rancangan-rancangan menyusun semula syarikat-syarikat awam, khususnya dengan membawa balik syarikat-syarikat asing yang mempunyai harta-harta di Malaysia.

Saya tidak faham mengapa kita masih perlukan satu undang-undang yang mendesak penyertaan Bumiputra di lapangan-lapangan yang mana Bumiputra sendiri kurang minat. Selain dari itu terdapat kira-kira \$200 juta saham-saham yang lebih baik dan disimpan untuk penyertaan Bumiputra tetapi belum dibelikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menerangkan bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian tidak dapat dibatalkan, oleh kerana terdapat matlamat-matlamat lain yang mungkin memerlukan undang-undang ini. Tetapi saya tidak dapat melihat apa faedah bagi undang-undang ini meliputi perindustrian bersaiz kecil dan sederhana. Memandangkan keadaan ini, saya mencadangkan bahawa satu ulang-kaji dibuat dengan tujuan meminda Perintah Menteri yang dibuat di bawah Fasal (11) Akta Penyelarasan Perindustrian supaya mengecualikan semua perusahaan yang mempunyai jumlah harta tetap yang kurang dari \$3 juta. Undang-undang ini kini mengecualikan perusahaan-perusahaan yang mempunyai harta tetap kurang dari \$500,000. Pengecualian hingga \$3 juta akan membebaskan perusahaan-perusahaan bersaiz kecil dan sederhana yang dijalankan, secara keluarga tradisional dari kawalan Akta ini dan akan menghilangkan awan mendong meliputi pelabur-pelabur dalam negeri selesai. Tuan Yang di-Pertua, perniagaan keluarga tradisional telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan

dan pembangunan ekonomi kita. Biarlah kita menggalakkan mereka meneruskannya.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa dari perpaduan negara, usaha-usaha bersama antara Bumiputra dan bukan Bumiputra, termasuk perniagaan kecil, hendaklah digalakkan. Kita tidak patut memaksa mereka mengadakan usaha-bersama tersebut, tetapi kita patut menggalakkan mereka membuat demkian secara sukarela. Untuk mencapai matlamat ini saya mencadang bahawa galakan cukai diberikan supaya mendorong pembentukan usaha-usaha bersama tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang benarkan saya mengkaji beberapa langkah-langkah tertentu yang dirangka dalam bungkusan Belanjawan yang bertujuan untuk mencapai matlamat strategi Belanjawan.

Pemberian galakan cukai untuk pengeluaran makanan ialah satu langkah positif yang akan menentukan pembekalan makanan yang lebih mencukupi sendiri dalam negeri. Makanan menjadi suatu keluaran utama yang diimpot pada masa dahulu dan juga pada masa ini. Pengeluaran makanan yang bertambah dalam negeri akan mengurangkan pengantungan negara ke atas impot dalam keperluannya untuk makanan. Dengan demikian banyak pertukaran wang asing dapat juga dijamin.

Pihak sektor swasta memang sedar tentang kemungkinan pengeluaran makanan sebagai suatu usaha perdagangan dan telah cuba dengan lamanya untuk mengambil bahagian dalam pengeluaran makanan. Pihak sektor swasta juga mengenali kepentingan pengeluaran makanan dalam konteks Keutamaan-keutamaan negara, tetapi terdapat satu halangan yang besar—halangan ini ialah kekurangan tanah. Galakan-galakan yang diperuntukkan adalah menarik hati tetapi galakan-galakan dengan sendirinya, tidak mengira beberapa banyaknya, tidak akan membantu dalam menambah pengeluaran makanan sekiranya Kerajaan terus mengekalkan dasar pemindahan tanah yang konservatif.

Saya menganggap bahawa kepentingan yang besar akan diberikan kepada penambahan pengeluaran makanan dalam Dasar Pertanian Baru yang diumumkan oleh Duli Yang Maha Mulia kepada Dewan ini. Sekiranya ini betul, saya ingin mengulangi

seruan saya iaitu Dasar Pertanian Baru ini hendaklah memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk memperolehi tanah dari Negeri-negeri untuk diserahkan semula kepada rakyat-rakyat yang memerlukan. Sekiranya tanah tidak tersedia, galakan-galakan dengan sendirinya, tidak akan membantu dalam menambahkan pengeluaran makanan atau menyelesaikan masalah-masalah sosio-ekonomi rakyat-rakyat kita dalam kampung-kampung dan kampung-kampung baru.

Memandangkan kepentingan sektor pengilangan kepada ekonomi negara, peruntukan galakan cukai pelaburan semula merupakan suatu langkah ke arah yang betul untuk mendorong pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor ini. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, galakan cukai sahaja, tidak akan mengeluarkan hasil-hasil yang diinginkan sekiranya awan mendong yang saya sebutkan tadi tidak dibiarkan menjadi lebih terang. Saya ingin mengulangi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa, untuk mendorong perkembangan teratur dalam sektor pengilangan, kita hendaklah meminda peruntukan-peruntukan tertentu Akta Penyelesaian Perindustrian supaya mengecualikan perusahaan-perusahaan bersaiz kecil dan sederhana dari kawalan Akta ini supaya sektor ini dapat berkembang tanpa apa-apa halangan.

Tambahannya galakan ini hanya terbuka kepada syarikat-syarikat yang tidak pernah menikmati apa-apa galakan dan kepada syarikat-syarikat yang mana galakan mereka telah luput lebih daripada tiga tahun. Pada pandangan saya, semua syarikat, kecuali syarikat-syarikat yang masih menikmati galakan cukai, patut layak untuk mendapatkan galakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Mengikuti perangkaan FIDA adalah diperhatikan bahawa bahagian saham-saham yang dikhaskan untuk syarikat-syarikat Bumiputra di sektor pengilangan pada 7 tahun yang lalu adalah lebih daripada 40%. Saya berharap dengan ikhlasnya, kejayaan ini boleh diteruskan. Sebaliknya bahagian untuk kaum bukan bumiputra adalah kurang daripada 30%. Tuan Yang di-Pertua, pada

pandangan saya, kita ada tanggungjawab menentukan bahawa matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru hendaklah dicapai pada keseluruhannya, iaitu kaum Bumiputra 30%, bukan Bumiputra 40% dan orang asing 30% supaya dalam proses menghapuskan suatu keadaan yang tidak seimbang yang diwaris dari masa dahulu, kita dapat menentukan bahawa kita tidak akan mengujudkan keadaan yang tidak seimbang yang lain. Adalah mustahak bagi kita mempercepatkan lagi kadar pelaburan dalam sektor pengilangan, termasuk pelaburan oleh bukan Bumiputra. Sekiranya arah aliran dalam pelaburan sekarang meneruskan terdapat satu kemungkinan di mana peratusan pelaburan kaum bukan Bumiputra sekarang tidak dapat dikekalkan dan saya meragukan samada matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai pada keseluruhannya. Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan keadaan ini saya ingin menyeru sekali lagi supaya Akta Penyelidikan Perindustrian dipinda untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor pengilangan pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita perhatikan bahawa, walaupun duti impot ke atas beberapa keluaran telah dikurangkan lebih dari 10 hari dahulu faedah-faedah penuh dari pengurangan duti impot ini belum disampaikan lagi kepada pengguna-pengguna. Nampaknya peniaga-peniaga

belum membalas usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan kos hidup. Kita sedar bahawa peniaga-peniaga mesti mendapat keuntungan perniagaan tetapi mereka jangan juga melupakan kewajipan sosial mereka. Kestabilan ekonomi bukan bergantung kepada Kerajaan sahaja; sektor swasta ingin juga memainkan peranan mereka dalam hal ini. Atas sebab ini, saya menyeru kepada peniaga-peniaga supaya menyampaikan faedah-faedah penuh dari pengurangan duti impot ke atas berbagai keluaran kepada pengguna-pengguna dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Tan Koon Swan: Sudah habis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pun sudah habis!

Dr Tan Koon Swan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 3hb November, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.